



APPGM-SDG

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15

20

24



RINGKASAN EKSEKUTIF & LAPORAN AWAL

HASIL PEMETAAN KEPERLUAN KOMUNITI
DI KAWASAN PARLIMEN

P.143 PAGOH

Ringkasan Eksekutif & Laporan Awal

HASIL PEMETAAN KEPERLUAN KOMUNITI
DI KAWASAN PARLIMEN

P.143 PAGOH

Penyunting Siri

Nurul Syaza Mazelan

Penulis

Nurul Syaza Mazelan

Lydia Ann Bill



APPGM-SDG

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15

ISI KANDUNGAN

LAPORAN P.143 PAGOH (JOHOR)

Kata Pengantar - Nur Rahmah Othman.....	I
Pendahuluan - Nurul Syaza Mazelan & Siti Nur Ain Zakinuddin.....	III
BAHAGIAN A	1
Laporan Lawatan Pemetaan Isu	
BAHAGIAN B	18
Laporan Pemetaan Isu	
1.0 Pengenalan.....	19
2.0 Pemetaan Isu	20
3.0 Pengutamaan Isu.....	48



APPGM-SDG

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15

KATA PENGANTAR

Nur Rahmah Othman

Pemangku Timbalan Ketua Sekretariat

Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia Mengenai Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG) telah aktif sejak 2020 dalam menggerakkan agenda penyetempatan SDG di peringkat kawasan parlimen di seluruh negara. Melalui pendekatan utama pemetaan isu, APPGM-SDG menjalankan perbincangan kumpulan fokus bersama kumpulan sasaran tempatan untuk mengenal pasti cabaran mereka dan mencadangkan penyelesaian melalui projek komuniti berasaskan SDG serta intervensi dasar yang sesuai.

Dari 2020 hingga 2023, APPGM-SDG telah mengunjungi 87 kawasan parlimen. Pada 2024, inisiatif ini diperluaskan ke 30 kawasan parlimen baharu, membolehkan pasukan kami mendalami isu akar umbi dan menentukan keutamaan tempatan. Lawatan tapak ini memberikan pandangan komprehensif mengenai situasi sebenar di lapangan dan mengenal pasti penyelesaian yang diperlukan.

Hasil lawatan tersebut, 30 laporan awal pemetaan isu telah disediakan pada tahun 2024, terkandung dalam jilid bertajuk "*Ringkasan Eksekutif dan Laporan Awal: Hasil Pemetaan Keperluan Komuniti di Kawasan Parlimen 2024*". Laporan ini dipecahkan mengikut zon dan wilayah – Utara, Timur, Tengah, Selatan, Sabah, dan Sarawak – sebagaimana diperincikan dalam **Jadual 1**. Selain itu, laporan bergambar turut disertakan, memaparkan butiran lawatan tapak dan isu yang dikenal pasti. Laporan individu juga disediakan bagi memudahkan rujukan ahli Parlimen dan pihak berkepentingan untuk merujuk laporan mengikut kawasan Parlimen tertentu.

Jadual 1: Pecahan kawasan Parlimen mengikut jilid

JILID	ZON/WILAYAH	JUMLAH KAWASAN PARLIMEN	PENYELIDIK
Jilid 1	Zon Utara	9	3
Jilid 2	Zon Timur	4	3
Jilid 3	Zon Tengah	7	5
Jilid 4	Zon Selatan	4	3
Jilid 5	Wilayah Sabah	3	1
Jilid 6	Wilayah Sarawak	3	1
JUMLAH KESELURUHAN		30	

Laporan awal ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menangkap suara-suara akar umbi, termasuk emosi, keperluan, dan keutamaan masyarakat tempatan. Walaupun laporan ini tidak mengandungi transkrip penuh perbincangan kumpulan fokus, ia cukup memberikan analisis situasi yang menggambarkan realiti kehidupan komuniti di lapangan. Laporan lengkap, termasuk nota transkrip penuh, akan diterbitkan untuk rujukan Ahli Parlimen yang terlibat dan boleh diakses oleh pihak awam atas permintaan untuk kajian lanjut.

Laporan-laporan ini akan dijadikan asas untuk perbincangan lanjut di peringkat lebih tinggi di Parlimen, serta bersama agensi-agensi dan kementerian kerajaan yang berkenaan. Tujuan utama adalah untuk merangka penyelesaian yang lebih komprehensif dan mendorong perubahan dasar yang relevan bagi menangani isu-isu yang dikenal pasti.

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada ahli jawatankuasa APPGM-SDG, Ketua Sekretariat APPGM-SDG, dan pengarah-pengarah APPGM-SDG, semua Ahli Parlimen, agensi kerajaan, terutama pejabat daerah, dan pihak-pihak yang mempermudah dialog serta penyertaan dalam inisiatif APPGM-SDG pada tahun 2024.

Ucapan tahniah khas ditujukan kepada Puan Nurul Syaza Mazelan selaku penyunting siri enam jilid ini atas dedikasi beliau menyunting laporan-laporan yang disediakan oleh pasukan penyelidik APPGM-SDG. Terima kasih juga kepada para penyelidik iaitu Dr Wan Suzita Wan Ibrahim, Dr Siti Nur Ain Zakinuddin, Dr Thanaraj Murudi, Cik Siti Noraiysah Rohim, Cik Raine Melissa Riman, Dr Eva Kristin Larry Sait, Cik Nurrul Fazlina Osman, dan Cik Mc Jeanet Lempisik @ Marx serta pasukan Komunikasi Korporat APPGM-SDG, yang diketuai Cik Zoel Ng, dan khususnya Puan Maisarah Mohd Asri, Jeremiah Nathan Raj, Hirzawati Atikah Mohd Tahir dan Arif Azhad Abdul Ghaffar atas usaha kreatif dalam memastikan penerbitan bahan ini berjaya.

Semoga usaha ini terus memperkukuh langkah kita dalam mencapai pembangunan lestari untuk seluruh rakyat Malaysia.

PENDAHULUAN

Nurul Syaza Mazelan

Timbalan Pengarah Unit Penyelaras Kawasan Parlimen

Siti Nur Ain Zakinuddin

Penyelaras APPGM-SDG Zon Pantai Timur

Penyetempatan Matlamat Pembangunan Lestari atau *Sustainable Development Goals* (SDG) dengan 17 matlamat utama merupakan satu usaha yang giat dijalankan di seluruh dunia. Kekangan perubahan iklim, ketidaksamaan sosial dan kemerosotan alam sekitar yang berterusan menggesa Malaysia untuk bertindak dengan lebih agresif terutama bagi membantu komuniti terpinggir supaya diangkat dan lebih maju ke hadapan berikutan persaingan global yang tidak menentu. Bagi Malaysia, SDG amat penting kerana ia selaras dengan wawasan negara untuk menjadi sebuah negara maju dan mampan. Komitmen terhadap SDG juga mengukuhkan kerjasama antarabangsa dan menunjukkan kepimpinan Malaysia dalam pembangunan mampan.

Pelaksanaan SDG di Malaysia meliputi pelbagai sektor, termasuk pembangunan sosial, ekonomi, alam sekitar, infrastruktur, dan tadbir urus. Antara langkah proaktif menunjukkan komitmen Malaysia untuk mencapai pembangunan yang lebih inklusif dan mampan ialah melalui penubuhan APPGM-SDG. APPGM-SDG telah berfungsi sebagai satu entiti penting yang menggerakkan penyetempatan SDG di Malaysia melalui kerjasama ahli-ahli parlimen.

Seperti tahun sebelumnya, APPGM-SDG meletakkan kajian pemetaan isu sebagai pendekatan utama dalam mendapatkan isu-isu dari komuniti akar umbi, justeru rangka kerja komprehensif ini sekali lagi diteruskan pada tahun 2024. Proses ini penting terutamanya kepada komuniti akar umbi untuk memastikan suara mereka didengari. Pihak kami telah menumpukan usaha yang berganda untuk mempertimbangkan perspektif ekonomi, alam sekitar dan sosial dari kawasan pedalaman sehingga kawasan bandar untuk memastikan tiada sesiapa ketinggalan.

Pada tahun 2024, proses pemetaan isu telah dilakukan dengan lebih mendalam melalui keterlibatan agensi Kerajaan, swasta dan juga NGO. Perbincangan bersama agensi juga menjadi satu keperluan yang memberi kesan kepada hasil analisis isu yang ditemui.

Berbanding tahun sebelumnya, proses pemetaan isu tahun 2024 mengambil masa selama lebih dua minggu untuk dijalankan sesi dialog bersama agensi. Ini adalah bagi memberi ruang dan masa untuk setiap agensi lebih bersedia dengan data dan tindakan yang telah dilakukan oleh agensi-agensi mengenai isu yang disuarakan oleh komuniti setempat.


Selain itu, adalah menjadi tanggungjawab APPGM-SDG untuk memastikan proses pemetaan isu ini mendapat persetujuan penuh dari setiap peserta terlibat, justeru setiap kali sebelum memulakan sesi dialog, kebenaran bagi merakam audio serta mengambil gambar diperoleh terlebih dahulu. Laporan yang dibukukan ini adalah bertepatan dengan input pemetaan isu sepertimana rakaman audio yang diambil semasa sesi dialog. Peserta juga dimaklumkan bahawa rakaman audio adalah bagi tujuan dokumentasi serta perbincangan inisiatif dasar dan audio akan disimpan rapi tanpa disebar kepada umum. Oleh itu, laporan ini tidak akan sesekali berkongsi rakaman audio yang telah dirakam bagi menjaga kepercayaan yang diberi dari peserta kepada pihak penyelidik.

Sebagai hasil kerja keras pasukan APPGM-SDG, kami berbesar hati untuk berkongsi Ringkasan Eksekutif dan Laporan Awal: Hasil Pemetaan Keperluan Komuniti Kawasan Parlimen 2024. Laporan ini disusun dalam enam jilid berbeza melibatkan Zon Utara, Zon Selatan, Zon Pantai Timur, Zon Tengah, Wilayah Sabah dan Wilayah Sarawak. Selain itu, laporan individu mengikut Parlimen juga disediakan untuk rujukan khusus mengikut parlimen tertentu.

Ketua penyelidik yang juga merupakan penulis laporan telah mengambil langkah mendokumentasikan semua isu utama diutarakan dalam sesi dialog yang telah diadakan. Justeru, laporan awal ini mengandungi input perkongsian dan luahan oleh pelbagai pihak termasuk ahli parlimen, pegawai Daerah/Jajahan, ketua komuniti dan masyarakat akar umbi. Semoga laporan ini dapat dijadikan rujukan semua pihak dalam memahami isu penduduk setempat dan memacu pembangunan lestari.

30 kawasan Parlimen telah terpilih untuk menjalankan kajian pemetaan isu dan penyetempatan SDG bagi tahun 2024 merangkumi semua zon di Semenanjung Malaysia serta wilayah Sabah dan Sarawak. Hasil pemetaan isu 30 kawasan Parlimen bagi tahun 2024 ini membawa jumlah kumulatif sebanyak 115 ahli Parlimen telah bekerjasama dengan pihak APPGM-SDG sejak tahun 2020 sehingga kini.

**KAWASAN PARLIMEN TERLIBAT
DENGAN GERAK KERJA APPGM-SDG
DARI TAHUN 2020-2024**



Laporan Awal bagi 30 kawasan Parlimen ini telah dibahagikan mengikut zon dan wilayah. Empat jilid merangkumi empat zon di Semenanjung Malaysia iaitu zon Utara, Timur, Tengah dan Selatan. Manakala, 2 jilid lagi berfokus di Wilayah Sabah dan Sarawak. Terdapat lapan penyelidik yang telah mengetuai proses pemetaan isu di kawasan Parlimen bagi tahun 2024. **Jadual 2** menunjukkan senarai penuh 30 kawasan terpilih untuk tahun 2024.

Jadual 2: Senarai 30 Kawasan Parlimen Terlibat dengan Gerak Kerja APPGM-SDG bagi Tahun 2024

Bil.	Zon/Wilayah	Negeri	Daerah/Bahagian	Parlimen	Kod	Nama Ahli Parlimen	Parti	Ketua Penyelidik APPGM-SDG
1.	Utara	Perak	Pengkalan Hulu	Gerik	P054	YB Tuan Fathul Huzir bin Ayob	PN-BERSATU	Dr Thanaraj Murudi
2.	Utara	Perak	Kerian	Bagan Serai	P058	YB Datuk Idris Bin Ahmad	PN-PAS	Dr Thanaraj Murudi
3.	Utara	Kedah	Langkawi	Langkawi	P004	YB Dato' Haji Mohd Suhaimi Bin Haji Abdullah	PN-BERSATU	Siti Noraiysah Rohim
4.	Utara	Perak	Perak Tengah	Parit	P069	YB Tuan Muhammad Ismi Bin Mat Taib	PN -PAS	Siti Noraiysah Rohim
5.	Utara	Pulau Pinang	Seberang Perai Utara	Tasek Gelugor	P042	YB Datuk Wan Saifulruddin Wan Jan	PN-BERSATU	Siti Noraiysah Rohim
6.	Utara	Pulau Pinang	Barat Daya dan Timur Laut	Bayan Baru	P052	YB Tuan Sim Tze Tzin	PH-PKR	Siti Noraiysah Rohim
7.	Utara	Pulau Pinang	Timur Laut	Bukit Bendera	P048	YB Puan Syerleena binti Abdul Rashid	PH-DAP	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim

8.	Utara	Perak	Perak Tengah	Pasir Salak	P073	YB Tuan Jamaludin Bin Yahya	PN-PAS	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
9.	Utara	Perlis	Negeri Perlis	Arau	P003	YB Dato' Seri Dr. Shahidan Bin Kassim	PN-PAS	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
10.	Timur	Pahang	Maran dan Temerloh	Kuala Krau	P087	YB Tuan Kamal Bin Ashaari	PN-PAS	Dr Thanaraj Murudi
11.	Timur	Pahang	Pekan	Pekan	P085	YB Dato' Sri Sh Mohmed Puzi Bin Sh Ali	BN-UMNO	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
12.	Timur	Terengganu	Hulu Terengganu	Hulu Terengganu	P038	YB Dato' Rosol Bin Wahid	PN-BERSATU	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
13.	Timur	Kelantan	Kota Bharu	Ketereh	P026	YB Dato' Khilir Bin Mohd Nor	PN	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
14.	Tengah	Selangor	Klang	Kapar	P109	YB Dr. Hajah Halimah Ali	PN-PAS	Dr Thanaraj Murudi
15.	Tengah	Selangor	Klang	Klang	P110	YB Tuan Ganabatirau A/L Veraman	PH-DAP	Dr Thanaraj Murudi
16.	Tengah	Selangor	Kuala Selangor	Tg Karang	P095	YB Dato' Dr. Zulkafperi Bin Hanapi	PN	Siti Noraiysah Rohim

17.	Tengah	Kuala Lumpur	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Batu	P115	YB Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran	PH-PKR	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
18.	Tengah	Selangor	Sabak Bernam	Sungai Besar	P093	YB Datuk Muslimin Bin Yahaya	PN-BERSATU	Mohamed Daniel Mokhtar
19.	Tengah	Selangor	Shah Alam	Shah Alam	P108	YB Tuan Haji Azli Bin Yusof	PH-AMANAHA	Nurul Syaza Mazelan
20.	Tengah	Kuala Lumpur	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Bandar Tun Razak	P124	YB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail	PH-PKR	Nurul Syaza Mazelan
21.	Selatan	N. Sembilan	Port Dickson	Port Dickson	P132	YB Dato' Seri Aminuddin Bin Harun	PH-PKR	Siti Noraiysah Rohim
22.	Selatan	Negeri Sembilan	Kuala Pilah	Kuala Pilah	P129	YB Dato' Adnan Bin Abu Hassan	BN-UMNO	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
23.	Selatan	Johor	Tangkak	Ledang	P142	YB Tuan Syed Ibrahim Bin Syed Noh	PH-PKR	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
24.	Selatan	Johor	Muar, Tangkak, Segamat	Pagoh	P143	YB Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin Bin Md Yasin	PN-BERSATU	Nurul Syaza Mazelan

25.	Sarawak	Sarawak	Bau dan Lundu	Mas Gading	P192	YB Tuan Mordi Anak Bimol	PH-DAP	Raine Melissa Riman
26.	Sarawak	Sarawak	Bahagian Mukah (Daerah Mukah dan Daerah Dalat, Daerah Kecil Oya dan Balingian)	Mukah	P213	YB Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib	GPS-PBB	Raine Melissa Riman
27.	Sarawak	Sarawak	Bahagian Miri (Daerah Subis, Daerah Kecil Niah)	Sibuti	P218	YB Dato Lukanisman Bin Awang Sauni	GPS-PBB	Raine Melissa Riman
28.	Sabah	Sabah	Kota Marudu	Kota Marudu	P168	YB Datuk Wetrom Bin Bahanda	KDM	Nurrul Fazlina Osman
29.	Sabah	Sabah	Sipitang	Sipitang	P178	YB Datuk Matbali Bin Musah	GRS	Nurrul Fazlina Osman
30.	Sabah	Sabah	Kinabatangan dan Tongod	Kinabatangan	P187	YB Datuk Seri Panglima Moktar Bin Radin	BN-UMNO	Nurrul Fazlina Osman

METODOLOGI KAJIAN

Dalam proses pemetaan isu, pihak APPGM-SDG memastikan untuk mendapat persetujuan penuh daripada semua pihak terlibat secara langsung termasuk ahli Parlimen, agensi Kerajaan, dan semua peserta yang terlibat. Kajian ini melalui beberapa proses utama seperti mesyuarat awalan bersama ahli Parlimen, pemprofilan kawasan Parlimen, pra-lawatan, bersama Pegawai Daerah dan agensi Kerajaan, lawatan tapak selama tiga hari, sesi dialog bersama agensi dan pengutamaan isu bersama ahli Parlimen. Proses ini adalah penting untuk memastikan dapatan kajian dikumpul secara kumulatif dari semua pihak berkepentingan.

PROSES PEMETAAN ISU APPGM-SDG



Perbincangan yang diadakan di dalam proses ini dirakam secara audio oleh penyelidik untuk tujuan dokumentasi dan penganalisaan selanjutnya. Sebelum rakaman dibuat, penyelidik juga akan memaklumkan kepada peserta tujuan rakaman dibuat dan rakaman tersebut disimpan selamat oleh pihak APPGM-SDG dan tidak boleh dikongsi secara terbuka. Maka, laporan-laporan ini dibuat adalah berdasarkan terjemahan daripada perbincangan yang telah diadakan dengan merujuk kepada audio rakaman sebagai data utama.

Kumpulan sasaran ditetapkan berdasarkan perbincangan isu awalan bersama ahli Parlimen dan agensi Kerajaan semasa pemprofilan dan pra-lawatan. Terdapat 41 kumpulan sasaran yang menjadi fokus seperti berikut:

Status Individu		Kaum Minoriti
<ol style="list-style-type: none"> 1. Kumpulan B40 / miskin tegar 2. Penduduk M40 3. Orang kurang upaya (OKU) 4. Ibu / Bapa tunggal 5. Wanita 6. Warga emas 7. Belia 8. Kanak-kanak 9. Warga asing / Pelarian 10. Tiada warganegara 11. Ketua Isi Rumah 		<ol style="list-style-type: none"> 1. Komuniti Cina 2. Komuniti India 3. Komuniti Siam 4. Orang Asli/Asal 5. Komuniti Bugis 6. Komuniti Iban 7. Komuniti Kedayan
Jenis Pekerjaan		Pendidikan
Pertanian	<ol style="list-style-type: none"> 1. Petani 2. Peladang / Peneroka 3. Penoreh 4. Penternak 	<ol style="list-style-type: none"> 1. PIBG Sekolah 2. Pelajar sekolah 3. Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) 4. Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)
Perikanan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Nelayan laut 2. Nelayan darat 	
Perdagangan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Peniaga 2. Penjaja 3. Pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS) 4. Pengusaha Homestay 	
Perindustrian	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pemilik kilang 	
Perkhidmatan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Petugas/Penyelia PPDK 2. Veteran ATM dan Polis 3. Penghulu-Penghulu Mukim 4. Pemimpin Tempatan 5. Malim gunung 	Organisasi / Persatuan
		<ol style="list-style-type: none"> 1. Badan bukan kerajaan (NGO) 2. Persatuan Sukarelawan 3. Persatuan Penduduk 4. Koperasi Komuniti

PENEMUAN KESELURUHAN

Daripada hasil penemuan pemetaan isu di semua kawasan Parlimen terpilih bagi tahun 2024, 26 isu tematik utama yang telah dikenal pasti sebelum ini masih relevan apabila terdapat isu dalam terangkuman yang sama dibangkitkan. Secara kolektifnya, antara isu yang terdesak bagi tahun 2024 yang sering diutarakan adalah berkaitan:

1. Kesukaran untuk mengakses sokongan kebajikan Kerajaan, bantuan dan subsidi
2. Masalah infrastruktur telekomunikasi
3. Kelestarian kehidupan penduduk di rumah kos rendah
4. Masalah banjir
5. Akses kepada air bersih dan terawatt
6. Keperluan pembangunan infrastruktur
7. Cabaran pembangunan ekonomi bagi sektor pertanian
8. Cabaran pembangunan belia
9. Tekanan ekonomi semasa kepada individu dan usahawan kecil tempatan
10. Pencemaran alam sekitar

Selain itu, terdapat juga isu-isu baharu yang banyak dibangkitkan dalam pemetaan isu di kawasan Parlimen 2024. Hal ini adalah kerana perubahan tren semasa dalam arus pembangunan memberi impak kepada masyarakat umum. Antara isu-isu baharu ditemui adalah seperti:

1. Keciciran pendidikan bagi pelajar B40, Orang Asal dan Orang Asli
2. Konflik manusia dan haiwan liar
3. Cabaran pendigitalan

Bagi pengkhususan isu utama yang banyak diutarakan mengikut zon dan wilayah adalah seperti yang dijelaskan di dalam **Jadual 3**.

ZON / WILAYAH	ISU UTAMA
Zon Utara	<ul style="list-style-type: none">• Gejala sosial• Kurang kepelbagaian peluang pekerjaan• Kos sara hidup yang tinggi• Keciciran Pendidikan• Kekurangan infrastruktur dan kemudahan asas• Masalah banjir• Pencemaran air dan udara
Zon Timur	<ul style="list-style-type: none">• Kekurangan maklumat untuk mendapatkan bantuan• Infrastruktur yang lemah dalam bidang pertanian• Kurang pengetahuan pemasaran dalam kalangan petani

	<ul style="list-style-type: none"> • Kurang kepelbagaian peluang pekerjaan • Penghijrahan ke bandar • Kos sara hidup yang tinggi
Zon Tengah	<ul style="list-style-type: none"> • Birokrasi dan kekurangan maklumat untuk mendapatkan bantuan • Tahap pengurusan untuk kutipan sampah dan penyelenggaraan yang lemah di kawasan rumah kos rendah • Masalah banjir berpunca daripada penyelenggaraan perparitan yang lemah • Gejala sosial yang berkaitan dengan golongan belia
Zon Selatan	<ul style="list-style-type: none"> • Masalah banjir • Konflik hidupan liar dan manusia • Keciciran pendidikan • Kenaikan kos sara hidup • Kesukaran mendapatkan lesen nelayan • Kekurangan infrastruktur dan kemudahan asas
Wilayah Sabah	<ul style="list-style-type: none"> • Keciciran pendidikan kerana jarak yang jauh ke sekolah • Konflik kewarganegaraan kerana kekurangan dokumentasi • Keperluan pembangunan infrastruktur dan utiliti (jalan, telekomunikasi, bekalan air dan elektrik) • Keperluan sokongan dan bantuan penjana pendapatan • Pengurusan kutipan sampah yang tidak efisien
Wilayah Sarawak	<ul style="list-style-type: none"> • Kurang penyelenggaraan sistem perparitan menjadi punca banjir • Penyeludupan barang di sempadan • Kualiti perkhidmatan kesihatan yang lemah • Konflik kewarganegaraan kerana kekurangan dokumentasi • Keperluan pembangunan infrastruktur dan utiliti (jalan, telekomunikasi, bekalan air dan elektrik) • Konflik pemilikan tanah • Kemerosotan identiti budaya dan bahasa • Konflik manusia – hidupan liar

BAHAGIAN A

LAPORAN

LAWATAN PEMETAAN ISU

P.143 PAGOH

22 Jun- 24 Jun 2024 (Jumaat - Isnin)

TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

HARI 1

1. Sesi Dialog bersama Komuniti Belia
2. Sesi Dialog bersama Komuniti Ibu Tunggal
3. Sesi Dialog dan Lawatan Tapak 1 bersama Komuniti Orang Asli

HARI 2

4. Lawatan Tapak 2 ke Muzium Bersejarah Bukit Kepong (Galeri Darurat Bukit Kepong)
5. Sesi Dialog bersama Wakil Penghulu
6. Sesi Dialog bersama Komuniti FELCRA Berhad Bukit Kepong
7. Sesi Dialog bersama komuniti FELDA Seri Jaya
8. Lawatan Eko-pelancongan di Pulau Durian Chondong

HARI 3

9. Sesi Dialog bersama PDK Pagoh
10. Sesi Dialog dan Lawatan Tapak 3 bersama PAWE, dan India Pagoh
11. Sesi Dialog bersama wakil AADK
12. Sesi Dialog dan Lawatan Tapak 4 bersama Komuniti wakil nelayan darat

PASUKAN PENYELIDIK



Lydia Ann
(Ketua Penyelidik)



Dr. Wan Suzita Wan Ibrahim



Dr. Teo Sue Ann



Daniel Mokhtar

Dengan sokongan
daripada Ahli Parlimen
Pagoh,
YB Tan Sri Dato' Haji
Mahiaddin Bin Md Yasin

Lawatan tapak telah dijalankan pada 22-24 Jun 2024 (Jumaat - Isnin)



01

23 November 2023
Mesyuarat Awalan



02

20 Disember / December 2024
Mesyuarat Pemprofilan



03

22 Januari / January 2024
Mesyuarat Pra-Lawatan



06

6 Jun / June 2024
Mesyuarat Bersama Pejabat Daerah Muar



05

28 Mei / May 2024
Lawatan Awal dan Perbincangan



04

28 Mei / May 2024
Perbincangan Lokalisasi SDGs di
Parlimen Pagoh



07

6 Jun / June 2024
Mesyuarat Bersama Pejabat Daerah Tangkak



08

21 Jun / June 2024
Mesyuarat Bersama Pegawai Khas
Parlimen Pagoh



09

22 Jun / June 2024
Sesi Dialog bersama Komuniti Bela



12

23 Jun / June 2024
Lawatan Tapak 2- Muzium Bersejarah Bukit
Kepong (Galeri Darurat Bukit Kepong)



11

22 Jun / June 2024
Sesi Dialog dan Lawatan Tapak 1
bersama Komuniti Orang Asli



10

22 Jun / June 2024
Sesi Dialog bersama Komuniti Ibu
Tunggal



13

23 Jun / June 2024
Sesi Dialog bersama Wakil Penghulu



14

23 Jun / June 2024
Sesi Dialog bersama Komuniti FELCRA
Berhad Bukit Kepong



15

24 Jun / June 2024
Sesi Dialog bersama komuniti FELDA Seri
Jaya

16
24 Jun / June 2024
Sesi Dialog bersama PDK Pagoh

17
24 Jun / June 2024
Sesi Dialog dan Lawatan Tapak 3 bersama PAWE, Pagoh

18
24 Jun / June 2024
Sesi Dialog Komuniti India

19
24 Jun / June 2024
Sesi Dialog bersama wakil AADK

20
24 Jun / June 2024
Sesi Dialog dan Lawatan Tapak 4 bersama Komuniti wakil nelayan darat




23 November 2023 - Mesyuarat Awalan

Mesyuarat awal bersama Tan Sri Muhyiddin, Ahli Parlimen Pagoh untuk penyetempatan SDG pada tahun 2024. Mesyuarat ini telah diwakili oleh Pn. Nur Rahmah Binti Othman, En. James Ryan Raj, dan Pn. Nurul Syaza Mazelan dari APPGM-SDG.

20 Disember 2023 - Mesyuarat Pemprofilan

Pn Nurul Syaza telah menjalankan sesi pemprofilan Parlimen Pagoh bersama Zakaria, Pegawai Khas Pagoh. Zakaria telah berkongsi latar belakang, potensi, dan isu-isu utama yang terdapat di Parlimen Pagoh untuk difokuskan dalam lawatan tapak akan datang. Perbincangan lanjut mengenai program lawatan tapak akan diadakan pada masa akan datang sebelum lawatan tapak dijalankan.





28 Mei 2024 - Lawatan Awal dan Perbincangan

Dr. Wan Suzita dan Cik Lydia telah mengadakan lawatan awal dan perbincangan dengan wakil PDK dan Penghulu Pagoh di Kompleks Penghulu Mukim Pagoh untuk maklumat mengenai FGD yang akan diadakan pada bulan Jun nanti.



6 Jun 2024 - Mesyuarat Bersama Agensi Kerajaan dan Kerajaan Tempatan (Pejabat Daerah Muar)

Dr. Wan Suzita & Mohd Daniel mengadakan perjumpaan bersama Tuan KADO, En Mohd Fairul Bin Surian (Pengerusi), bersama 5 wakil penghulu mukim dan 3 kakitangan Pejabat Daerah Muar. Perjumpaan ini adalah pemakluman awal gerak kerja APPGM-SDG di Parlimen Pagoh yang akan diadakan pada 22-24hb Jun. Pihak Pejabat Daerah Muar tidak ada sebarang halangan dan turut berkongsi input berhubung cadangan sesi lawatan tersebut. Manakala, sesi dialog agensi kerajaan akan diadakan pada 16hb Julai 2024.



6 Jun 2024 - Mesyuarat Bersama Agensi Kerajaan dan Kerajaan Tempatan (Pejabat Daerah Tangkak)

Dr. Wan Suzita & Mohd Daniel mengadakan perjumpaan bersama Tuan KADO, En. Mohd Irfan, ADO Masyarakat dan penghulu kanan bagi Pejabat daerah Tangkak untuk memaklumkan dan sokongan pihak Pejabat Daerah Tangkak bagi sesi kerja lapangan di Parlimen Pagoh yang akan dijalankan pada 22-24hb Jun 2024.



21 Jun 2024 - Mesyuarat Bersama Pegawai Khas Parlimen Pagoh

Perjumpaan bersama pegawai khas Parlimen Pagoh, Datuk Tahir dan En. Zakaria sebelum kerja lapangan dijalankan (Parlimen Pagoh) pada 22-24 Jun 2024. Tujuan perjumpaan tersebut adalah untuk mengesahkan dan berbincang mengenai tentatif jadual serta isu-isu dalam komuniti.



22 Januari 2024 - Mesyuarat Pra-Lawatan

En. James Raj, Pn. Nurul Syaza dan Pn. Mary Malar telah mengadakan perbincangan bersama pegawai-pegawai khas Parlimen Pagoh, DUN Bukit Pasir dan DUN Bukit Kepong. Selain itu, mereka turut membuat pra lawatan bersama pegawai-pegawai khas ke dapur pembuatan karipap oleh ibu tunggal, Pn Jannah, dan ke Gerisek berjumpa dengan pengusaha bot dan nelayan.



28 Mei 2024 - Perbincangan Lokalisasi SDGs di Parlimen Pagoh

Dr. Wan Suzita dan Cik Lydia Ann mengadakan perbincangan dengan pegawai khas Datuk Tahir dan En. Zakaria untuk menjalankan kerja lapangan bagi Parlimen Pagoh. Tarikh lawatan yang telah ditetapkan ialah pada 21-24 Jun 2024.



1: Sesi Dialog bersama Komuniti Belia

Sesi FGD 1 ini melibatkan Komuniti Belia di Hub Pendidikan Pagoh yang melibatkan 10 orang peserta telah mengemukakan beberapa isu penting. **(1)** kebimbangan mengenai pencemaran sungai akibat penanaman sawit telah dibangkitkan. **(2)** ancaman daripada spesies ikan asing terhadap kehidupan ikan tempatan menjadi perhatian utama.

(3) terdapat perbincangan mengenai pandangan serong terhadap wanita berjaya, terutamanya dalam bidang yang didominasi oleh kaum lelaki seperti kejuruteraan dan penguatkuasaan undang-undang. **(4)** kekurangan sokongan kewangan dan peluang latihan kemahiran teknikal bagi belia yang ingin berniaga telah ditekankan. **(5)** Terakhir, masalah belia yang menghadapi kebangkrutan turut disedari sebagai isu penting. Isu-isu ini menunjukkan cabaran yang pelbagai yang dihadapi oleh komuniti belia di Pagoh, memerlukan usaha bersama dan penyelesaian yang mampan untuk mengatasinya dengan berkesan.



2: Sesi Dialog bersama Komuniti Ibu Tunggal

Sesi FGD 2 ini adalah bersama Komuniti Ibu Tunggal di Pusat Komuniti Desa Melayu Panchor (PKD) melibatkan 4 orang peserta telah mengemukakan beberapa isu penting. **(1)** kekangan kewangan dan modal untuk ibu tunggal menjalankan perniagaan disebabkan oleh kos barang yang tinggi telah ditekankan, **(2)** kesukaran mendapatkan bantuan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menjadi satu permasalahan utama,

(3) isu banjir yang menyebabkan kerugian dalam penanaman hasil bumi dan menaikkan kos hidup mereka turut dibangkitkan **(4)** Kebimbangan mengenai belia kawin muda dan ramai berhijrah keluar Pagoh telah menjadi perhatian, **(5)** Terdapat laporan mengenai isu pilih kasih daripada pihak atasan semasa pemohonan bantuan juga diperbincangkan. Isu-isu ini menunjukkan cabaran yang signifikan yang dihadapi oleh komuniti ibu tunggal di Pagoh, memerlukan tindakan segera dan sokongan yang berterusan dari pihak berkuasa untuk meningkatkan kualiti kehidupan mereka.



3: Sesi Dialog dan Lawatan Tapak 1 bersama Komuniti Orang Asli

Sesi FGD 3 di perkampungan Orang Asli Kg. Saerak Api, yang dihadiri oleh 30 orang Orang Asli serta Prof. Dato Dr. Denison, Dr. Wan Lydia, Daniel, dan Mr. Karuppiyah, turut dihadiri oleh Dato Tahir (pegawai khas Pagoh) dan En. Zakaria (pegawai Pagoh). Beberapa isu utama yang dibangkitkan termasuk

(1) masalah air yang tidak bersih, (2) kegagalan untuk mendapatkan rumah bantuan kerajaan (PPR), (3) peluang pekerjaan, (4) sikap anak-anak yang enggan pergi ke sekolah, (5) status tanah yang bukan rezab Orang Asli, (6) kesukaran mendapat bantuan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), (7) masalah sambungan internet, (8) kos sara hidup yang tinggi, (9) jarak jauh ke kemudahan klinik dan balai polis, serta (10) kekurangan lampu jalan yang menyebabkan sering berlakunya kemalangan. Isu-isu ini menunjukkan cabaran yang besar yang dihadapi oleh komuniti Orang Asli di Kg. Saerak Api, memerlukan tindakan segera dan sokongan yang berterusan dari pihak berkuasa untuk meningkatkan kualiti hidup mereka.

Pada lawatan ke perkampungan Orang Asli di Kampung Orang Asli Se'arak Api Batu 19, beberapa pemerhatian penting telah dilakukan. (1) masih terdapat penduduk yang tinggal dalam rumah tradisional yang dibuat daripada rumbia dan buluh. (2) Perkampungan ini juga dikelilingi oleh ladang penanaman sawit. (3) Selain itu, terdapat dua pemilik kandang kambing dan JAKAO akan membantu dalam pemberian baka dan penyelenggaraan kandang. (4) Pemerhatian lain adalah adanya pam yang menggunakan sumber air bawah tanah. (5) Pemerhatian ini menunjukkan keperluan untuk memberikan sokongan yang berterusan kepada perkampungan ini dalam memperbaiki infrastruktur dan meningkatkan kualiti hidup penduduk Orang Asli di sana.



4: Lawatan Tapak 2 ke Muzium Bersejarah Bukit Kepong (Galeri Darurat Bukit Kepong)

Lawatan ke Galeri Darurat Bukit Kepong telah memberi peluang untuk mempelajari lebih lanjut mengenai peristiwa darurat yang terjadi di Bukit Kepong yang mempengaruhi seluruh Malaysia. Galeri ini juga merupakan bekas tapak Balai Polis asal yang telah dibakar oleh pihak komunis. Di dalam muzium tersebut, antara pemerhatian secara langsung ialah bagaimana kehidupan sehari-hari polis berlaku, termasuk dapur dan tempat makan mereka. Ini memberi gambaran yang jelas tentang kehidupan di dalam balai polis pada masa itu dan memberi penghormatan kepada pengorbanan yang mereka lakukan dalam menjaga keselamatan komuniti.



5: Sesi Dialog bersama Wakil Penghulu

Sesi FGD 5 diadakan bersama penghulu-penghulu/mukim di FELCRA Bukit Kepong dengan kehadiran 6 orang peserta. Beberapa isu utama yang dibincangkan termasuk **(1)** isu banjir yang disebabkan oleh pembangunan yang tidak memasukkan penduduk secara menyeluruh dalam perancangan, serta keperluan untuk meningkatkan sistem perparitan. **(2)** Selain itu, terdapat juga kilang haram yang beroperasi di sekitar kampung, yang menyebabkan ketidakelesaan penduduk disebabkan kedatangan warga asing sebagai buruh. **(3)** Kebimbangan mengenai kesan negatif penggunaan jalan kampung oleh pengangkutan berat seperti lori. Dialog ini menunjukkan keperluan untuk tindakan segera dalam merangka strategi pembangunan yang lebih berteraskan kepada keperluan komuniti tempatan serta peningkatan infrastruktur yang sesuai untuk memenuhi keperluan penduduk di FELCRA Bukit Kepong.



6: Sesi Dialog bersama Komuniti FELCRA Berhad Bukit Kepong

Sesi FGD 6 bersama Komuniti FELCRA di FELCRA Bukit Kepong telah dihadiri oleh 20 orang peserta. Beberapa isu utama yang telah dibangkitkan termasuk **(1)** kebimbangan mengenai susahya generasi kedua mendapatkan perumahan di FELCRA dan peluang pekerjaan di Pagoh, **(2)** kos barang yang tinggi, **(3)** keperluan untuk talian komunikasi yang cekap untuk urusan dalam talian dan pendidikan, **(4)** kekurangan pemantauan oleh pihak atasan terhadap projek pertanian atau penternakan yang mengalami masalah terbengkalai, **(5)** masalah banjir yang disebabkan oleh Sungai Segamat, **(6)** serta kekurangan dana peruntukkan untuk pembangunan infrastruktur.



7: Sesi Dialog bersama komuniti FELDA Seri Jaya

Sesi FGD 7 bersama Komuniti FELDA di Dewan FELDA Seri Jaya telah dihadiri oleh 15 orang peserta. Beberapa isu utama yang telah dibangkitkan termasuk **(1)** kebimbangan mengenai kos sara hidup yang tinggi, terutama bagi generasi pertama yang kebanyakannya tidak bekerja dan menghadapi kesukaran menampung kos hidup pada masa kini. **(2)** Isu kedua ialah banjir di kawasan FELDA, terutamanya di perumahan generasi kedua yang dibangunkan di atas tapak bekas penanaman padi lama, yang menyebabkan masalah banjir dari Sungai Muar dan pampasan yang dianggap tidak mencukupi. **(3)** Selain itu, kekurangan tadbir pengurusan di bawah Akta Pemukiman Berkumpulan (GSA), **(4)** bekalan air yang tidak bersih dan kurang disebabkan masalah bekalan elektrik yang tidak stabil untuk loji air, **(5)** pencemaran sungai akibat kandang babi yang tidak diurus dengan baik, **(6)** serta isu pengurusan sampah turut menjadi perhatian. **(7)** Tambahan pula, gangguan bekalan elektrik yang dialami oleh penduduk disebabkan oleh peningkatan populasi dan bukan semua penduduk FELDA merupakan peneroka. **(8)** Isu anjing liar yang berkeliaran meskipun tidak ada penduduk yang memelihara anjing turut menjadi perbincangan. Dialog ini menyorot keperluan untuk tindakan segera dalam memperbaiki infrastruktur asas dan pengurusan di FELDA Seri Jaya, serta meningkatkan kualiti hidup penduduk yang tinggal di sana.



8: Sesi Lawatan Eko Pelancongan di Pulau Durian Chondong

Sesi lawatan ke 3 bersama wakil pejabat Daerah Tangkak En Irfan (ADO Masyarakat), Majlis Perbandaran Muar, penghulu mukim dan kakitangan agensi kerajaan serta pihak badan bukan kerajaan. Antara maklumat yang dikongsi adalah **(1)** kekurangan sumber kewangan untuk menjalankan pengurusan pembangunan **(2)** masalah banjir yang berpunca dari sungai segamat **(3)** Kerjasama antara pihak kerajaan seperti MOTAC dan agensi swasta **(4)** Selain itu, perbincangan juga melibatkan keperluan kemudahan dan promosi Geo Park Pelancongan di kawasan tersebut contohnya chalet penginapan untuk pelancong, keselamatan dan pasaran produk pelancongan. Dialog ini, menekankan keperluan untuk penambahbaikan dalam pengurusan pembangunan bagi mengelakan berlakunya banjir yang berterusan di kawasan Pulau Durian Chondong



9: Sesi Dialog bersama PDK Pagoh

Sesi FGD 9 bersama petugas, penyelia, dan pengerusi Pusat Kegiatan Harian (PDK) Pagoh, PDK Lenga, dan PDK FELDA Maokil telah membincangkan beberapa isu penting. Antara isu yang telah dibangkitkan termasuk **(1)** kekurangan sumber kewangan untuk menjalankan program dan pengurusan pusat. **(2)** Isu kedua adalah perlunya jawatan petugas dan penyelia diiktiraf supaya pekerjaan mereka tidak dipandang rendah, dilindungi oleh akta pekerja, dan slip gaji diterima oleh bank untuk urusan pinjaman.

(3) Selain itu, perbincangan juga melibatkan keperluan infrastruktur dan kemudahan yang sesuai untuk pelajar dan guru, seperti memisahkan ruang bagi pelajar autistik yang sensitif dengan bunyi dari budak-budak yang bising. **(4)** Isu nisbah guru dan murid yang perlu disemak semula **(5)** serta kekurangan kursus untuk meningkatkan kemahiran pengajar turut menjadi perhatian utama. **(6)** Isu konsep asal PDK (pemulihan) kepada penjagaan. Dialog ini, menekankan keperluan untuk penambahbaikan dalam pengurusan, penyediaan infrastruktur yang sesuai, dan peningkatan sokongan kepada petugas dan penyelia PDK untuk meningkatkan kualiti pembelajaran dan pengajaran di PDK Pagoh, PDK Lenga, dan PDK FELDA Maokil.



10: Sesi Dialog dan Lawatan Tapak 3 bersama PAWE, Pagoh

Sesi FGD 10 bersama Komuniti warga emas dan pekerja PAWE di PAWE Bukit Pasir, Daerah Muar, telah membangkitkan beberapa isu penting. Antara isu yang dibangkitkan termasuk **(1)** kekurangan sumber kewangan untuk menjalankan program dan aktiviti-aktiviti bagi warga emas. **(2)** Isu kedua adalah infrastruktur pembangunan di PAWE yang tidak memenuhi piawaian Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), terutamanya dalam hal peruntukan untuk membina bangunan tambahan atau pemindahan fasiliti. **(3)** Selain itu, perhatian terhadap kesihatan mental warga emas juga ditekankan kerana mereka sering mengalami perasaan kesunyian dan kesepian. Dialog ini, membincangkan perlunya sokongan yang lebih besar dari pihak berkuasa tempatan untuk meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan warga emas di PAWE Bukit Pasir, termasuk peningkatan dalam infrastruktur dan perkhidmatan sosial yang sesuai dengan keperluan mereka.



11: Sesi Dialog Komuniti India


Sesi FGD 11 bersama wakil komuniti India di Pusat Pawe, Pagoh. Isu yang berbangkit adalah: **(1)** maklumat yang tidak sampai di peringkat bawahan, **(2)** diskriminasi dalam kelulusan bantuan JKM, **(3)** Kos keperluan asas sara hidup tinggi, **(4)** tiada pembinaan pusat aktiviti PAWE di Bukit Kepong **(5)** masalah kesihatan **(6)** kos sara hidup yang tinggi.



12: Sesi Dialog bersama wakil AADK

Sesi FGD 12 bersama Staf AADK Daerah Muar yang melibatkan Ketua AADK Daerah Muar, pegawai penguatkuasaan dan keselamatan, pegawai rawatan dan pemulihan (PUSPEN), serta pegawai pencegahan telah membincangkan beberapa isu utama. Antara isu yang telah dibangkitkan termasuk **(1)** kurang minat pelajar dalam program AADK disebabkan persepsi negatif terhadap program dan kurangnya daya tarikan. **(2)** Faktor pengaruh rakan sebaya yang menjadi punca utama pelajar terjerat dalam penyalahgunaan dadah juga menjadi perhatian utama.

(3) Selain itu, jarak yang jauh antara makmal ujian kencing dengan pejabat AADK telah melambatkan proses pengesahan penggunaan dadah, yang berpotensi menyebabkan suspek terlepas daripada tempoh reman. Dialog ini menekankan perlunya langkah-langkah untuk meningkatkan keberkesanan program pencegahan, pendidikan awam, serta peningkatan infrastruktur yang sesuai bagi memperkasakan usaha pencegahan dan pemulihan dari penyalahgunaan dadah di Daerah Muar.



13: Sesi Dialog dan Lawatan Tapak 4 bersama Komuniti wakil nelayan darat

Sesi FGD 13 bersama Komuniti nelayan darat di Pengkalan Jati Gerisik melibatkan 17 orang nelayan darat telah membincangkan beberapa isu utama yang signifikan. Antaranya, **(1)** isu pencemaran sungai yang memberi kesan negatif terhadap kehidupan sungai seperti udang dan ikan, di mana salah satu punca pencemaran adalah sisa toksik ke dalam Sungai Muar. **(2)** Isu banjir yang merosakkan hasil dapatan nelayan **(3)** Selain itu, sifat 'memunya' di kalangan nelayan yang berlaku ketika mereka berebut atau menghalang nelayan lain daripada mengutip hasil di kawasan 'pemilik' juga dibangkitkan.


(4) Perlu ditekankan bahawa Jabatan Perikanan hanya mampu memberi nasihat tanpa kuasa undang-undang disebabkan tiada akta yang berkaitan. Isu lain termasuk nelayan yang tidak berlesen memancing di Sungai Muar, **(5)** kehadiran ikan asing yang merosakkan ekosistem ikan tempatan seperti ikan keli dan Alligator Gar, **(6)** serta kesan negatif penanaman sawit atau perkebunan di persisiran sungai yang sepatutnya merupakan rizab sungai menyebabkan berlakunya pencemaran **(7)** Ikan asing yang merosakkan ekosistem hidupan sungai lain. **(8)** Isu banjir yang selalu berlaku disebabkan kawasan adalah rendah (asal lembangan sungai Muar). Dialog ini menekankan keperluan untuk langkah-langkah pemulihan dan perlindungan sungai serta kehidupan marin dalam usaha untuk mengekalkan kelestarian sumber perikanan di Pengkalan Jati Gerisik.

BAHAGIAN B

LAPORAN PEMETAAN ISU

P.143 PAGOH

1.0 PENGENALAN

<p><i>Kajian pemetaan isu bagi tahun 2024 di Parlimen Pagoh ini diadakan dengan usahasama daripada YB Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Md Yasin daripada parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) di bawah Perikatan Nasional.</i></p>		 <p>YB Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Md Yasin</p>																									
Parlimen	P 143																										
Kawasan	Pagoh																										
Negeri	Selangor																										
Jumlah penduduk (mengundi)	<p>69,939 orang</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>BIL.</th> <th>KAUM</th> <th>BIL.</th> <th>% BIL.</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Bumiputera</td> <td>47,607</td> <td>66</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Cina</td> <td>20,662</td> <td>29</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>India</td> <td>2,896</td> <td>4</td> </tr> <tr> <td>4.</td> <td>Lain_lain</td> <td>574</td> <td>1</td> </tr> <tr> <td colspan="2">JUMLAH KESELURUHAN</td> <td>69,939</td> <td>100</td> </tr> </tbody> </table> <p><i>Sumber: Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Pagoh, Muar, 2024.</i></p>			BIL.	KAUM	BIL.	% BIL.	1.	Bumiputera	47,607	66	2.	Cina	20,662	29	3.	India	2,896	4	4.	Lain_lain	574	1	JUMLAH KESELURUHAN		69,939	100
BIL.	KAUM	BIL.	% BIL.																								
1.	Bumiputera	47,607	66																								
2.	Cina	20,662	29																								
3.	India	2,896	4																								
4.	Lain_lain	574	1																								
JUMLAH KESELURUHAN		69,939	100																								
Kegiatan ekonomi utama	<ul style="list-style-type: none"> • Pertanian – Penanaman kelapa sawit dan ternakan ruminan • Perikanan – Aktiviti perikanan di Sungai Muar • Perkhidmatan – Aktiviti perniagaan IKS dan hab institusi pendidikan 																										
Pasukan kajian	<ol style="list-style-type: none"> 1. Nurul Syaza Mazelan: Ketua Penyelidik & Penulis Laporan 2. Lydia Ann: Ketua Penyelidik Lapangan 3. Dr Teo Sue Ann: Pengarah MySDG-CSI 4. Dr Wan Suzita Wan Ibrahim: Penyelidik 5. Mohamed Daniel Mokhtar: Penyelidik 																										

2.0 PEMETAAN ISU

Terdapat 11 FGD dan 2 lawatan tapak telah dijalankan bersama komuniti tempatan dan NGO selama 3 hari di kawasan lokaliti Parlimen Shah Alam dan 1 sesi dialog dijalankan bersama agensi kerajaan selama setengah hari di Pejabat Daerah Muar.

TARIKH	PERKARA
22 Jun 2024 , Sabtu	<ul style="list-style-type: none">• Dialog Bersama Komuniti Belia• Dialog Bersama Komuniti Ibu Tunggal• Dialog Bersama Komuniti Orang Asli
23 Jun 2024 , Ahad	<ul style="list-style-type: none">• Dialog Bersama Wakil-wakil Penghulu• Dialog Bersama Komuniti FELCRA Bukit Kepong• Dialog Bersama Komuniti FELDA Sri Jaya• Lawatan Tapak ke Pulai Durian Chondong• Lawatan Tapak ke Galeri Darurat Bukit Kepong
24 Jun 2024 , Isnin	<ul style="list-style-type: none">• Dialog Bersama Komuniti PDK• Dialog Bersama PAWE Muar• Dialog Bersama Komuniti India• Dialog Bersama AADK Muar• Dialog Bersama Nelayan Darat di Pangkalan Jeti Gerisik
16 Julai 2024 , Selasa	<ul style="list-style-type: none">• Dialog bersama agensi kerajaan

PENEMUAN KAJIAN

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
ISU SOSIAL			
Stereotaip gender dan pekerjaan	<ul style="list-style-type: none"> • Belia (Kaum Wanita) 	<ul style="list-style-type: none"> • Terdapat wanita belia yang berminat dalam bidang yang didominasi kaum lelaki. Contoh bidang elektrik dan penguatkuasaan. • Mereka menghadapi pelbagai jenis pandangan yang serong dan memerlukan sokongan daripada komuniti. 	<p>Pejabat Pendidikan Daerah Muar:</p> <p>Mencadangkan agar membuka peluang kepada pelajar-pelajar wanita untuk mengikuti kursus yang selama ini didominasi oleh kaum lelaki di sekolah-sekolah vokasional. Terdapat 2 sekolah vokasional di Muar iaitu satu di Muar dan satu di Pagoh.</p>
Kurang sensitiviti keperluan ibu tunggal	<ul style="list-style-type: none"> • Ibu tunggal Desa Melayu Pachor, FELDA Sri Jaya dan FELCRA Bukit Kepong 	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak sensitif terhadap keperluan ibu tunggal terutamanya bagi usahawanita. • Masih berlaku sentimen terhadap golongan ibu tunggal 	<p>Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim:</p> <p>Terdapat program menjana pendapatan untuk ibu tunggal dan wanita B40. Pihak Yayasan ada memberikan peralatan perniagaan kepada golongan ini. Program ini adalah kerjasama dengan penghulu.</p>
Kahwin muda	<ul style="list-style-type: none"> • Ibu tunggal Desa Melayu Pachor, FELDA 	<ul style="list-style-type: none"> • Isu kahwin muda dan bercerai dalam usia 30-an, namun tidak 	<p>Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim:</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	Sri Jaya dan FELCRA Bukit Kepong <ul style="list-style-type: none"> • Belia 	dimaklumkan kepada wakil penduduk kerana (malu) <ul style="list-style-type: none"> • Tidak tahu dengan siapa untuk dirujuk • Memerlukan bimbingan dan motivasi • Sukar untuk bekerja kerana menjaga anak yang masih kecil & tanggungjawab menjaga orang tua • Bertindak keluar dari Pagoh (mencari pekerjaan) 	Untuk program motivasi, pihak Yayasan boleh mengutarakan kepada peringkat negeri. Namun, bagi pihak Yayasan juga ada memberikan perkhidmatan kaunseling daripada kaunselor berdaftar di bawah PERKAMA.
Sukar mendapat bantuan JKM	<ul style="list-style-type: none"> • Ibu Tunggal • Bekerja Sendiri • Golongan B40 • Komuniti India • Komuniti Cina 	<ul style="list-style-type: none"> • Nama tidak ada dalam sistem bantuan atau tercicir. • Borang yang diisi secara manual, sudah satu tahun borang tidak ada jawapan diberikan. • JKM membatalkan permohonan disebabkan pemohon mempunyai Astro di kawasan rumah. • Pemohon beranggapan berlaku diskriminasi dalam kalangan pemohon. 	Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)-Tangkak: Memaklumkan bahawa kelulusan permohonan bantuan adalah berdasarkan garis panduan sedia ada. Antara syarat utama adalah, warganegara, pendapatan isi rumah mengikut Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa iaitu RM1,198 atau merujuk kepada per kapita isi rumah sekurang-kurangnya RM322 seorang. Bagi masalah nama tidak tersenarai dalam sistem bantuan, pemohon perlu menyemak semula status dan berkerjasama dengan JKM.

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>Terdapat kemungkinan boring tidak lengkap. Permohonan boleh disemak dalam tempoh sebulan selepas permohonan dihantar. Semakan boleh dibuat melalui telefon atau wakil boleh hadir ke pejabat JKM. JKM mengesahkan bahawa penilaian dibuat tidak melibatkan kemudahan dalam rumah pemohon atau diskriminasi mana-mana kaum tetapi bergantung kepada syarat yang telah ditetapkan.</p> <p>Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Muar:</p> <p>Di Parlimen Pagoh terdapat 1600 bantuan diberikan oleh pihak JKM. Bantuan kebanyakannya diberikan kepada warga emas. Tempoh semakan permohonan mengambil masa sebulan. Sekiranya, tiada jawapan selepas sebulan, pemohon perlu hadir ke pejabat JKM. JKM juga mempunyai isu penghantaran surat jawapan yang tidak sampai kepada pemohon.</p>
Prosedur bantuan yang rumit dan mengelirukan	<ul style="list-style-type: none"> • Ibu Tunggal • Golongan B40 	<ul style="list-style-type: none"> • Pengisian borang bantuan yang bergantung kepada ketua kampung bagi tujuan peranan untuk tujuan pengesahan dokumen. 	<p>Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM):</p> <p>Tujuan pengesahan dokumen oleh ketua kampung kerana ketua kampung lebih</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk di kawasan perkampungan 	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak memahami prosedur permohonan KM • Keliru antara bantuan MYKasih & E-Kasih 	<p>mengenalinya penduduk setempat untuk mengesahkan pendapatan pemohon.</p> <p>Sekiranya pemohon tidak memahami prosedur permohonan, pemohon boleh menghubungi pejabat JKM untuk mendapatkan penjelasan.</p>
Masalah perumahan dan kemerosotan sumber alam	<ul style="list-style-type: none"> • Komuniti Orang Asli (Kampung Searak Api) 	<ul style="list-style-type: none"> • Pemohonan rumah yang belum mendapat jawapan walaupun ada yang sudah menunggu dalam 40 tahun. • Penduduk di situ terpaksa berkongsi rumah yang sempit bersama keluarga yang ramai. Ada juga yang membina rumah tradisi dengan menggunakan buluh dan rumbia. • Aktiviti sumber hutan yang diperlukan semakin berkurangan atau sukar diperolehi seperti rotan dan kayu-kayan. 	<p>Jabatan Kebajikan Orang Asli (JAKOA)-Tangkak:</p> <p>Untuk JAKOA negeri Johor menerima bantuan rumah hanya 12 buah untuk satu negeri Johor. Maka, bagi Daerah Muar dan Tangkak hanya menerima 2 biji sahaja yang diperuntukkan daripada atasan. Namun, bantuan baik pulih rumah sentiasa ada setiap tahun.</p> <p>Bagi isu kemerosotan sumber hutan, terdapat kemungkinan hutan Maokil ini sudah semakin kecil dan jumlah penduduk telah meningkat. Sewajarnya, hasil hutan mesti ada permit daripada Pejabat Hutan tetapi masih belum ada kata putus dari Pejabat Hutan.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>Bagi isu lampu jalan, TNB hanya akan menyediakan kemudahan elektrik di dalam kawasan kampung sahaja. Bagi jalan masuk sejauh 4km ke dalam, tidak disediakan lampu jalan.</p>
<p>Status tanah yang tidak jelas</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Komuniti Orang Asli (Kampung Searak Api) 	<ul style="list-style-type: none"> • Berdasarkan status Kerajaan Negeri, status tanah semasa petempatan adalah bukan rezab orang Asli • Penetapan status tanah masih belum selesai 	<p>Jabatan Kebajikan Orang Asli (JAKOA)-Tangkak:</p> <p>Status tanah bagi Kampung Searak Api sebelum menerima tanah rizab Orang Asli dikenali sebagai MLO. Pihak JAKOA telah membuat permohonan ke Pejabat Tanah Muar.</p>
<p>Kekurangan kemudahan asas infrastruktur</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Komuniti Orang Asli (Kampung Searak Api) 	<ul style="list-style-type: none"> • Keadaan laluan masuk ke kampung pada waktu malam adalah gelap kerana tiada lampu. • Terdapat juga '<i>blindspot</i>' dan berisiko kemalangan jika tidak berhati-hati dan sangat memerlukan lampu jalan. • Masalah air yang tidak bersih • Kemudahan klinik, balai polis yang agak jauh. 	<p>Pejabat Tanah Tangkak:</p> <p>Pembangunan infrastruktur mempunyai peruntukan yang telah ditetapkan setiap tahun. Namun, permohonan pembangunan tersebut mungkin mengambil masa mengikut peruntukan yang sedia ada. Lampu jalan kebanyakannya telah disediakan di semua kawasan pedalaman.</p> <p>Jabatan Kebajikan Orang Asli (JAKOA)-Tangkak:</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>Untuk Daerah Tangkak, 100% menggunakan air bukit atau air Jeram. Manakala, untuk Daerah Muar menggunakan air tikuel atau air dalam tanah.</p>
<p>Kurang minat dalam pendidikan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Komuniti Orang Asli (Kampung Searak Api) 	<ul style="list-style-type: none"> • Sikap enggan pergi ke sekolah dan kurang bermotivasi. • Lebih suka untuk ke kebun & membantu ibu bapa. • Kos pengangkutan yang mahal dan jauh. • Mata pelajaran yang terlalu susah untuk pelajar orang asli 	<p>Pejabat Pendidikan Daerah Tangkak:</p> <p>Tiada sekolah khas bagi Orang Asli di Tangkak.</p> <p>Pejabat Pendidikan Daerah Muar:</p> <p>Terdapat kemudahan pengangkutan ke sekolah disediakan oleh pihak JAKOA bagi anak-anak Orang Asli. Bagi setiap murid Orang Asli yang hadir ke sekolah, juga disediakan wang saku yang dibayar oleh pihak JAKOA.</p> <p>Mencadangkan untuk memastikan murid orang Asli diberi keutamaan dari segi motivasi individu, motivasi kelompok dan sebagainya untuk hadir ke sekolah. Kehadiran murid Orang Asli juga bergantung kepada musim buah. Kalau musim buah, mereka akan pergi ke dusun.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	<ul style="list-style-type: none"> • Pelajar sekolah • Belia 	<ul style="list-style-type: none"> • Ramai di kalangan golongan belia terutama pelajar sekolah tidak mengutamakan pembelajaran. • Tidak ramai juga pelajar sekolah menengah yang menitikberatkan pembelajaran dan ramai yang tidak sambung pelajaran di peringkat universiti. • Ini kerana kebanyakan pelajar sekolah ingin menjadi <i>influencer</i> (pempengaruh) di laman media sosial seperti TikTok dan sebagainya. • Terdapat juga yang ingin bekerja sekadar dalam bidang ekonomi gig seperti Foodpanda dan Grab. • Mereka berpendapat bahawa gaji atau hasil pendapatan dalam pekerjaan tidak formal sebegini lebih lumayan berbanding dengan kerja-kerja formal yang lain. 	<p><i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog antara Agensi</i></p>
Kekurangan sumber kewangan untuk membuat	<ul style="list-style-type: none"> • Golongan OKU, pelatih, penyelia dan petugas di 	<ul style="list-style-type: none"> • Meskipun pengurusan PDK ada inisiatif sendiri untuk menjana pendapatan tetapi mereka hanyalah dapat mengeluarkan produk dalam 	<p>Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Tangkak & Muar:</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
program dan pengurusan pusat	<ul style="list-style-type: none"> ○ PDK Felda Maokil ○ PDK Lenga ○ PDK Pagoh <ul style="list-style-type: none"> ● PAWE Bukit Pasir ● Warga Emas Komuniti Cina ● Warga Emas berbangsa Melayu 	<p>kuantiti yang kecil disebabkan limitasi pelatih, pengurusan dan pasaran produk.</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Masih keliru PDK di tadbir urus oleh siapa. <ul style="list-style-type: none"> ● Tiada peruntukkan untuk membina bangunan lain/ pemindahan. ● Isu penyelenggaraan bangunan PAWE Bukit Pasir 	<p>PDK didaftarkan di bawah ROS sebagai pertubuhan untuk menggalakan PDK boleh menerima atau memohon sumber dari luar dan tidak bergantung kepada geran yang diberikan Kerajaan sahaja.</p> <p>Geran yang diberikan adalah bergantung kepada permohonan PDK tersebut berdasarkan jumlah pelatih dan penyelia PDK. Elaun seorang pelatih bagi negeri Johor adalah RM300, manakal guru pula sebanyak RM150. Anggaran geran diberikan kepada PDK dalam setahun mencapai RM100 ribu.</p>
Keperluan pengiktirafan jawatan petugas dan penyelia PDK	<ul style="list-style-type: none"> ● Pelatih dan penyelia di <ul style="list-style-type: none"> ○ PDK Felda Maokil ○ PDK Lenga ○ PDK Pagoh 	<ul style="list-style-type: none"> ● Hal ini supaya pekerjaan tidak dipandang rendah, dilindungi oleh akta pekerja dan slip gaji diterima oleh bank untuk urusan pinjaman. ● Mereka juga ingin pekerjaan mereka diambil iktiraf sebagai pekerja tetapi supaya dilindungi oleh akta pekerja. 	<p>Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM):</p> <p>Petugas dan penyelia PDK sudah sedia maklum bahawa perlantikan mereka adalah sebagai sukarelawan dan boleh menentukan tempoh kontrak mengikut keperluan.</p> <p>Pejabat Pendidikan Daerah:</p> <p>Mencadangkan untuk memberi jawatan guru PDK sebagai jawatan tetap sebagai pegawai</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			kerajaan dengan elaun tambahan bagi menarik minat komuniti untuk bekerjasama dengan PDK.
Keperluan infrastruktur dan kemudahan khas untuk pelajar OKU	<ul style="list-style-type: none"> • Golongan OKU, pelatih, penyelia dan petugas di <ul style="list-style-type: none"> ○ PDK Felda Maokil ○ PDK Lenga ○ PDK Pagoh 	<ul style="list-style-type: none"> • Jika merujuk kepada panduan pembahagian pelatih dan infrastruktur PDK, bangunan PDK tidak sesuai kerana kekurangan protokol keselamatan. • Pelajar autistik yang sensitif dengan bunyi tidak boleh selalu bercampur dengan budak budak yang menangis (bising) 	<p>Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Muar:</p> <p>Memerlukan peruntukan khusus bagi tujuan pembangunan infrastruktur. Bagi pelajar OKU yang memerlukan keperluan khas, JKM mencadangkan untuk dirujuk kepada Jabatan Kesihatan untuk keperluan lanjut.</p>
Kekurangan kursus untuk meningkatkan kemahiran pengajar	<ul style="list-style-type: none"> • Golongan OKU, pelatih, penyelia dan petugas di <ul style="list-style-type: none"> ○ PDK Felda Maokil ○ PDK Lenga ○ PDK Pagoh 	<ul style="list-style-type: none"> • Modul kursus perlu dinaik taraf. • Pengajar perlu diberi Kemahiran atau kursus yang mampu untuk mengendalikan kanak-kanak istimewa. 	<p>Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Tangkak:</p> <p>Dari segi pendidikan, terdapat guru yang khusus dan bertauliah untuk mengajar.</p>
Kos audit yang perlu ditanggung sendiri	<ul style="list-style-type: none"> • Golongan OKU, pelatih, penyelia dan petugas di 	<ul style="list-style-type: none"> • Harga audit boleh mencecah RM2K di Muar dan dianggap mahal. • Harga audit lebih murah di tempat lain. Contohnya: PDK Mokil dapat audit sebanyak RM600 sahaja 	<p>Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Muar:</p> <p>Pihak JKM tiada peruntukan untuk kos audit PDK.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	<ul style="list-style-type: none"> ○ PDK Felda Maokil ○ PDK Lenga ○ PDK Pagoh 	<p>namun pejabat audit adalah di Melaka. Mereka mengeluarkan masa dan kos sendiri untuk hantar ke Melaka untuk tujuan audit tahunan.</p>	
Konflik pertukaran status PDK kepada persatuan	<ul style="list-style-type: none"> • Golongan OKU, pelatih, penyelia dan petugas di <ul style="list-style-type: none"> ○ PDK Felda Maokil ○ PDK Lenga ○ PDK Pagoh 	<ul style="list-style-type: none"> • Status PDK ditukarkan kepada persatuan, pengerusi terpaksa bertanggungjawab terhadap segala hal. Hal ini membimbangkan kerana pengerusi sendiri tidak bergaji dan hanya sukarelawan. 	<p>Pejabat Tanah Tangkak:</p> <p>Selepas 2018, apabila PDK ditukarkan status menjadi NGO, terdapat bermacam-macam masalah peruntukan dan sebagainya. Maka, dicadangkan untuk diletakkan semula penyeliaan PDK di bawah JKM.</p> <p>Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Tangkak:</p> <p>Bahagian dasar perlu melihat semula konsep PDK. Pihak JKM berpendapat bahawa PDK yang merupakan pusat pemulihan dalam komuniti, perlu melibatkan kerjasama komuniti. Manakala, dari segi pendidikan, terdapat guru yang khusus dan bertauliah untuk mengajar.</p>
Kekurangan sumber kewangan untuk menjalankan	<ul style="list-style-type: none"> • Warga Emas Komuniti Cina 	<ul style="list-style-type: none"> • Mereka juga ingin melancong dan merasai dunia di luar sebab mereka sentiasa terperap dalam rumah. 	<p>Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Muar:</p> <p>Terdapat peruntukan diberikan kepada PAWE</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
program dan aktiviti-aktiviti warga emas	<ul style="list-style-type: none"> Warga Emas Komuniti Melayu 	<ul style="list-style-type: none"> Namun, kekurangan sumber kewangan untuk pergi jauh. 	sebanyak RM50,000 untuk aktiviti pemerksaan warga emas. Namun, bagi aktiviti melancong adalah tidak digalakkan.
Infrastruktur pembangunan PAWE yang tidak mengikut piawaian JKM	<ul style="list-style-type: none"> Warga Emas Komuniti Cina Warga Emas Komuniti Melayu 	<ul style="list-style-type: none"> Hal ini kerana Tiada peruntukkan untuk membina bangunan lain/ pemindahan. Isu penyelenggaraan bangunan PAWE Bukit Pasir- PAWE Bukit Pasir telah diubahsuai untuk menutup bahagian terbuka dengan atap yang baru. 	<p>Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Muar:</p> <p>Terdapat peruntukan untuk penambahbaikan dan pembinaan semula. Bagi pembinaan semula PAWE yang baru akan ada peruntukan sebanyak RM100 ribu untuk perbaikan dan penyelenggaraan serta pembelian aset PAWE yang baru,</p>
Kesihatan mental warga emas perlu perhatian	<ul style="list-style-type: none"> Warga Emas Komuniti Cina Warga Emas Komuniti Melayu 	<ul style="list-style-type: none"> Kesihatan mental warga emas perlu perhatian sebab mereka selalu berasa sunyi dan kesepian. 	<i>Isu ini tidak dibincangan dalam Sesi Dialog antara Agensi</i>
Perkhidmatan kesihatan yang tidak memuaskan	<ul style="list-style-type: none"> Warga Emas Komuniti Cina Warga Emas Komuniti Melayu 	<ul style="list-style-type: none"> Tiada hospital di kawasan Parlimen Pagoh Hospital terletak jauh dari Pagoh dan hospital terdekat adalah Hospital Sultanah Fathimah yang jaraknya dalam lingkungan 30km. Masa menunggu yang lama. 	<i>Isu ini tidak dibincangan dalam Sesi Dialog antara Agensi</i>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<ul style="list-style-type: none"> • Bagi pesakit yang memerlukan khidmat doktor pakar, perlu pergi ke hospital. 	
Kurang minat dalam program AADK	<ul style="list-style-type: none"> • Pelajar-pelajar sekolah 	<ul style="list-style-type: none"> • Hal ini kerana persepsi negatif dan program kurang menarik. 	<p>AADK:</p> <p>AADK telah mengadakan pelbagai aktiviti bersama pelajar</p>
Pengaruh rakan sebaya	<ul style="list-style-type: none"> • Pelajar-pelajar sekolah 	<ul style="list-style-type: none"> • Pelajar sekolah yang berisiko tinggi adalah pelajar yang terlibat dalam aktiviti merempit dan melepak. • Mudah terpengaruh melalui pergaulan. 	<p>AADK:</p> <p>AADK telah mengadakan pelbagai aktiviti bersama komuniti di Pagoh.</p>
Proses pengesahan penggunaan dadah kurang efisien	<ul style="list-style-type: none"> • AADK 	<ul style="list-style-type: none"> • Makmal ujian kencing yang jauh dari AADK melambatkan proses pengesahan penggunaan dadah. • Hal ini boleh menyebabkan suspek terlepas daripada tempoh reman. • Keputusan makmal terletak di HKL atau di JB. Mengambil masa yang lama. 	<p>AADK:</p> <p>Sekiranya mesin rosak di Johor Bharu, barulah sampel akan dihantar ke Hospital Kuala Lumpur. Pesalah akan direman dalam tempoh 14 hari, dan Keputusan akan diperolehi dalam tempoh 14 hari tersebut.</p>
Penyalahgunaan dadah	<ul style="list-style-type: none"> • Pelajar EduHub Pagoh • Belia 	<ul style="list-style-type: none"> • Sebelum wujud EduHub di Pagoh, penagih dan pengedar dadah boleh dikatakan banyak. 	<p>AADK:</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<ul style="list-style-type: none"> • Kini, dengan adanya EduHub di Pagoh, dapat dikatakan permasalahan dadah semakin kurang. • Namun begitu, masih ada bekas penagih dadah yang mengambil kesempatan. • Contoh: musim banjir kes kecurian berlaku di EduHub Pagoh dipercayai dilakukan oleh bekas penagih dadah dan kes tangkapan seorang pelajar di EduHub kerana mengedar dadah jenis methamphetamine awal tahun ini. 	AADK telah mengadakan pelbagai aktiviti bersama komuniti di Pagoh.
Belia berhijrah keluar	<ul style="list-style-type: none"> • Belia 	<ul style="list-style-type: none"> • Disebabkan kurang peluang pekerjaan dan kekurangan bidang-bidang Pendidikan yang diminati, ramai belia pilih untuk belajar di luar Kawasan Pagoh atau berhijrah luar terutamanya ke Kuala Lumpur atau Johor Bahru untuk peluang pekerjaan. 	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog antara Agensi</i>
Capaian Internet yang lemah	<ul style="list-style-type: none"> • Belia • Pelajar EduHub Pagoh 	<ul style="list-style-type: none"> • Memerlukan talian komunikasi dan capaian internet berkelajuan tinggi 	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog antara Agensi</i>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		untuk urusan dalam talian dan pendidikan	
Kurang pendedahan terhadap penggunaan teknologi dalam perusahaan	<ul style="list-style-type: none"> • Belia 	<ul style="list-style-type: none"> • Golongan belia di kawasan parlimen Pagoh masih lagi tidak terdedah terhadap penggunaan Kecerdasan Buatan (AI) dalam perusahaan/perniagaan masing-masing. • Ini kerana, terdapat perusahaan kecil yang tidak tahu menggunakan AI dalam perniagaan mereka. Wakil belia berpendapat perlu adakan kursus atau kempen literasi digital dan media untuk golongan belia di Pagoh. 	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog antara Agensi</i>
Infrastruktur jalan yang tidak elok	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk FELCRA 	<ul style="list-style-type: none"> • Jalan kampung menjadi tidak elok disebabkan adanya pengangkutan berat. 	<p>Pejabat Tanah Tangkak:</p> <p>Infrastruktur jalan di dalam kawasan FELCRA di bawah penyelenggaraan pihak FELCRA berdasarkan akta (GSA).</p>
Lambakan warga asing	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk FELCRA 	<ul style="list-style-type: none"> • Terdapat ramai warga asing bekerja di ladang sawit. 	<p>FELCRA:</p> <p>Warga asing bukan bawah kelolaan FELCRA dan luar kawalan pihak pengurusan.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<ul style="list-style-type: none"> Lambakan warga asing ini membuatkan penduduk tidak selesa. 	
ISU EKONOMI			
Kekangan kewangan untuk memulakan perniagaan	<ul style="list-style-type: none"> Belia 	<ul style="list-style-type: none"> Ada belia minat dalam bidang pertanian tetapi memerlukan sokongan modal disebabkan kos pertanian yang tinggi kini. Terdapat juga belia berminat dalam bidang perniagaan lain tetapi kekurangan modal, pengetahuan, dan pengalaman. 	<p>Jabatan Pertanian:</p> <p>Bagi individu yang memerlukan khidmat nasihat dan bantuan boleh hadir ke Jabatan Pertanian dan berjumpa dengan pegawai pertanian. Terdapat bantuan bagi pertanian telah diwar-warkan.</p>
Belia diisytihar bankrap	<ul style="list-style-type: none"> Belia 	<ul style="list-style-type: none"> Belia yang bekerja sebagai penjawat awam mula bankrup sebab kurang mahir dalam pengurusan kewangan. Hal ini berpunca daripada pinjaman kereta atau menjadi penjamin kepada keluarga atau kawan. Ramai belia rela istihar bankrap. Nota: Akta Pembankrapan 2023 di mana belia yang mengalami bankrap diberi peluang kedua 	<p><i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog antara Agensi</i></p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
Kos sara hidup yang tinggi	<ul style="list-style-type: none"> • Ibu Tunggal • Belia 	<ul style="list-style-type: none"> • Ibu tunggal terpaksa membuat 2 hingga 3 pekerjaan dalam 1 hari untuk menampung kos sara hidup kini. 	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog antara Agensi</i>
	<ul style="list-style-type: none"> • Peniaga kecil-kecilan • Penjaja 	<ul style="list-style-type: none"> • Sebagai peniaga-peniaga kecil-kecilan, harga barang mentah amat terkesan kepada peniaga. Mereka tidak dapat mendapat keuntungan seperti perniagaan dulu kerana bimbang pembeli tidak berminat dengan jualan disebabkan harga yang meningkat. • Minyak paket sukar untuk diperolehi kerana kekurangan stok. 	
	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk FELCRA Bukit Kepong 	<ul style="list-style-type: none"> • Terdapat penduduk yang tidak mempunyai pekerjaan yang tetap dan tidak mampu menampung kos sara hidup kini 	
Manipulasi pemborong pertanian (orang tengah)	<ul style="list-style-type: none"> • Petani Orang Asli 	<ul style="list-style-type: none"> • Pemborong yang masuk dalam kawasan orang asli tetapi selalu membeli harga yang terlalu murah dan tidak masuk akal. 	<p>FAMA:</p> <p>Bagi Daerah Muar, masih tiada penglibatan orang asli yang menyertai jualan di pasar tani.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<ul style="list-style-type: none"> • Contohnya, ada tanaman pisang yang elok dan organik tetapi dikatakan tiada harga. • Harga yang ditawarkan pula tidak konsisten dan sentiasa bertukar. • Disebabkan perkampungan mereka jauh dari pasaran, mereka terpaksa bergantung kepada pemborong untuk masuk perkampungan mereka. 	
Cabaran pasaran hasil pertanian	<ul style="list-style-type: none"> • Petani FELCRA Bukit Kepong 	<ul style="list-style-type: none"> • Produk atau hasil pertanian yang diusahakan penduduk FELCRA yang terlibat dalam tanaman pertanian kontan seperti sayuran, cili, ubi sukar untuk dipasarkan dan perlu bimbingan agensi. • Petani yang mengusahakan tanaman pertanian tidak boleh mengharap sepenuhnya kepada pihak FAMA untuk membeli hasil tanaman mereka. • Wakil penduduk berpendapat bahawa perlu ada inisiatif yang dapat membimbing penduduk untuk 	<p>FELCRA:</p> <p>Bahagian pengurusan FELCRA memberikan galakan kepada petani/penternak FELCRA seperti bimbingan ke karnival berkaitan.</p> <p>FAMA:</p> <p>Terdapat pasar tani untuk para petani mengumpul dan menjual hasil tani. Di bawah FAMA terdapat program Peserta Ladang Kontrak untuk usahawan ladang kecil untuk menjual hasil kepada peraih atau jual secara langsung di pasar tani. Namun bagi di FELCRA Bukit Kepong,</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		memasarkan produk atau hasil mereka dengan pelbagai cara seperti pendigitalan.	program pasar tani telah ditukar kepada pasar pagi. Aku Bazar Kedai Rakyat juga merupakan inisiatif untuk membantu petani kecil-kecil untuk memasarkan hasil tani di kedai ini secara harian.
Kurang pemantauan projek penternakan	<ul style="list-style-type: none"> • Petani FELCRA Bukit Kepong 	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada pemantauan oleh pihak veterinar • Tiada komitmen atau sokongan dari pengusaha FELCRA 	<p>FELCRA:</p> <p>Bahagian pengurusan FELCRA memberikan galakan kepada petani/penternak FELCRA seperti bimbingan ke karnival berkaitan.</p>
Sifat “memunya” antara nelayan	<ul style="list-style-type: none"> • Nelayan-nelayan darat • Persatuan MYKP Jeti Gerisik 	<ul style="list-style-type: none"> • Nelayan-nelayan yang berebut atau menghalang nelayan-nelayan lain mengutip hasil sungai di kawasan ‘pemilik’ 	<p>Jabatan Perikanan-Tangkak:</p> <p>Cara penyelesaian isu ini adalah dengan melibatkan PDRM untuk turun ke kawasan tersebut dan mendamaikan ketegangan yang berlaku antara nelayan dan isu dapat diselesaikan.</p>
Nelayan yang tidak berlesen memancing di sungai Muar	<ul style="list-style-type: none"> • Nelayan-nelayan darat • Persatuan MYKP Jeti Gerisik 	<ul style="list-style-type: none"> • Ini tidak adil kepada pemancing atau nelayan yang berlesen kerana ianya akan menjejaskan hasil tangkapan ikan mereka. 	<p>Jabatan Perikanan-Tangkak:</p> <p>Jabatan Perikanan merancang untuk mengeluarkan lesen tetapi cadangan itu telah ditolak oleh Menteri pada tahun 2015-2016. Maka, sehingga sekarang tiada rancangan untuk menambahkan pemberian lesen kepada pemancing.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
ISU ALAM SEKITAR			
Perancangan pembangunan kurang komprehensif	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk FELCRA Bukit Kepong 	<ul style="list-style-type: none"> • Laporan EIA bagi pembangunan kilang yang disediakan hanya berfokus kepada impak alam sekitar di kawasan pembangunan dsicadangkan sahaja. • Selain itu, kajian impak juga kurang membuat penyelidikan terhadap tanah mahupun impak sosial di kawasan sekitar. • 'Pagoh Industrial Park' menyebabkan banjir kepada kawasan-kawasan sekelilingnya terutama perkampungan yang bersebelahan dengan lebuh raya yang mudah terkena banjir. 	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog antara Agensi</i>
Pencemaran sungai dari sisa kumbahan penternakan babi	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk FELDA Seri Jaya 	<ul style="list-style-type: none"> • Pencemaran berlaku di Sungai Penyalai berpunca dari sisa kumbahan penternak babi di Kampung Teratai. • Wakil penduduk FELDA Sri Jaya menyatakan , pihak FELDA Agriculture pernah melakukan kajian sampel air. 	<p>Jabatan Alam Sekitar (JAS)-Tangkak:</p> <p>Isu sisa babi adalah di luar bidang kuasa JAS. Sekiranya terdapat aduan diterima, pihak akan memanjangkan aduan tersebut kepada Jabatan Veterinar.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<ul style="list-style-type: none"> • Hasil laporan mereka menunjuk bahawa air sungai tersebut tercemar dan tidak selamat untuk digunakan. • Namun hingga kini masih belum ada sebarang jalan penyelesaian 	
Bencana banjir	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk FELCRA Bukit Kepong 	<ul style="list-style-type: none"> • Banjir di kawasan FELCRA berlaku hampir 2 kali setahun. • Menurut penduduk, peristiwa banjir berlaku akibat dari sungai yang berhampiran semakin cetek dan perlu penyelenggaraan dari pihak agensi kerajaan. • Banjir ini berpunca dari Sungai Segamat 	<p>Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) - Tangkak:</p> <p>Pembangunan baru telah termasuk dalam kawasan dataran banjir menyebabkan kawasan tersebut menerima ancaman banjir. Banjir juga boleh berlaku intensiti air melebihi kapasiti Sungai. Sebagai contoh, pada awal tahun 2023, bulan Mac, air daripada Segamat sebenarnya intensitinya melebihi daripada 100 tahun era air. Kawasan bersebelahan dengan Sungai Muar ini sememangnya kawasan risiko banjir (<i>flood prone area</i>). Bagi mitigasi banjir ini, menjadi persoalan kaedah yang lebih praktikal untuk mengatasi masalah banjir seperti tebing atau penambahbaikan perparitan yang berkemungkinan di luar bidang kuasa Kerajaan tempatan seperti perparitan di kawasan FELDA.</p>
	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk FELDA Seri Jaya 	<ul style="list-style-type: none"> • Isu banjir di FELDA terutamanya bagi perumahan generasi kedua kerana pembangunannya di atas tapak penanaman padi yang lama. • Banjir dari sungai Muar dan pampasan yang diperolehi RM1000 tidak mencukupi. 	
	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk mukim Lenga, Jorak Pagoh, 	<ul style="list-style-type: none"> • Wakil penghulu berpendapat bahawa banjir disebabkan oleh pembangunan baharu dan lebu 	

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	<p>Jorak Panchor dan Bukit Kepong.</p>	<p>raya. Pembangunan yang pesat tidak selari dengan sistem perparitan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Selain itu, apabila kebenaran merancang (KM) diperolehi oleh pemaju, pembangunan tidak semestinya akan berlaku serta merta. • Contoh, jika KM yang diperolehi awal 5 tahun, kawasan yang akan dibina pasti akan berubah dan tidak sama seperti sebelumnya. • Justeru itu, pelan asal perlu diubahsuai atau disemak semula mengikut kesesuaian semasa. • Pihak pemaju juga tidak mengambil kira sistem perparitan di luar kawasan mereka. Ini menyebabkan sistem perparitan yang tidak selari dengan yang sistem perparitan sekeliling dan secara tidak langsung menyebabkan air saluran tidak lancar. • Isu banjir memberi kesan kepada kerosakkan, kerugian dan 	<p>Bagi isu banjir kilat, pihak JPS akan meneliti sistem saluran semasa. Sebagai contoh, kawasan Tanjung Gading telah dibina '<i>floodgate</i>' untuk mengawal larian air. Selain itu, JPS juga menambah outlet air untuk mempercepatkan larian air ke Sungai utama untuk mengelakkan banjir kilat.</p> <p>Bagi isu banjir monsoon, memang agak sukar untuk diatasi. Terdapat projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) bagi lembangan Sungai Muar di <i>upstream</i> (bahagian Segamat) dengan menyediakan kolam untuk penyimpanan air sebelum air sampai ke bahagian <i>downstream</i> (bahagian Tangkak Muar).</p> <p>Pejabat Daerah Muar:</p> <p>Agensi-agensi Kerajaan telah bekerjasama dalam membuat perancangan tebatan banjir dengan peruntukan yang diberikan dan perancangan menghadapi banjir pada musim monsoon.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>pengurangan hasil hasil tanaman pertanian (sayuran, ubi, cili & pisang).</p>	<p>Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Muar:</p> <p>Projek tebatan banjir berfokus di kawasan hulu Sungai Muar terutamanya di kawasan Segamat. Bagi kawasan Daerah Muar masih belum ada pelaksanaan untuk tebatan banjir.</p> <p>Jabatan Pertanian Muar:</p> <p>Memaklumkan kepada Jabatan Pertanian mengenai hasil pertanian terjejas disebabkan banjir supaya pihak Jabatan Pertanian dapat memohon peruntukan untuk insentif dan bantuan di kawasan pertanian terkena banjir.</p>
Pencemaran sungai	<ul style="list-style-type: none"> • Cawangan anak sungai di Pagoh seperti di Sungai Meda, Sg Manas dan Sg Liang Batu 	<ul style="list-style-type: none"> • Cawangan anak sungai di Pagoh seperti di Sungai Meda, Sg Manas, dan Sg Liang Batu tercemar dengan sisa-sisa buangan dari ladang kelapa sawit. • Hasil pembuangan sisa dari ladang-ladang sawit seperti pelepah, buah sawit yang rosak mencemar anak sungai & rumpai-rumpai tumbuh dengan liar. 	<p>Jabatan Pengairan & Saliran (JPS) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Muar:</p> <p>Luar bidang kuasa mereka untuk mengawal.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk Kawasan Kampung Jawa, Panchor 	<ul style="list-style-type: none"> • Pencemaran berlaku kesan pembuangan sampah merata. • Tong sampah dan operasi kutipan sampah di kawasan kampung tidak disediakan. • Akibat faktor geografi kawasan dan tiada pengurusan sampah kerana tidak membayar cukai pintu. • Hal ini menyebabkan segelintir penduduk membuang sampah ke dalam sungai berdekatan dengan rumah mereka. 	<p>Jabatan Pengairan & Saliran (JPS) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Muar:</p> <p>Luar bidang kuasa mereka untuk mengawal.</p>
	<ul style="list-style-type: none"> • Sungai Muar 	<ul style="list-style-type: none"> • Memberi kesan negatif terhadap kehidupan sungai seperti udang dan ikan. • Salah satu punca pencemaran adalah sisa toksik yang terdapat dalam sungai Muar. • Air menjadi hitam dan kandungan oksigen dalam Sungai menjadi kurang menyebabkan hidupan sungai mati. 	<p>Jabatan Alam Sekitar (JAS) Muar:</p> <p>Berdasarkan indeks kualiti air daripada tahun 2018 hingga tahun 2022, Sungai Muar tidak termasuk dalam kategori tercemar. Sungai Pagoh juga berada di kelas 2 dengan sedikit pencemaran yang berpunca daripada aktiviti-aktiviti yang dijalankan.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
Ikan asing yang menjejaskan kehidupan dan ekosistem ikan tempatan	<ul style="list-style-type: none"> • Nelayan-nelayan darat • Persatuan MYKP Jeti Gerisik 	<ul style="list-style-type: none"> • Masalah dengan ikan keli yang sentiasa makan anak-anak ikan yang lain. • Isu ikan Baung merah yang terlepas ke Sungai dan mungkin juga disebabkan oleh banjir. • Sebanyak tujuh buah sangkar yang bertujuan memelihara ikan patin dan baung diancam memerang yang mampu merosakkan sangkar. • Selain itu, banjir juga merupakan satu lagi ancaman terhadap aktiviti penternakan ikan patin, baung dan udang galah. • Banjir di Sungai Muar yang kini sukar untuk dijangka akibat perubahan iklim sering merosakkan sangkar penternak. • Pengusaha sangkar ikan berhadapan dengan kerugian kos input yang agak tinggi akibat ancaman-ancaman tersebut. 	<p>Jabatan Perikanan-Tangkak:</p> <p>Isu ini telah banyak diselesaikan oleh Jabatan Perikanan dengan memahami sosiobudayaan penganut Buddha. Berdasarkan kepercayaan Buddha, terdapat waktu tertentu yang penganut melepaskan ikan seperti ikan keli ke Sungai untuk membuat hajat. Maka, pihak Jabatan Perikanan mengambil inisiatif dengan pergi ke kuil/tokong untuk memantau acara kebudayaan tersebut dan menerangkan kesan pelepasan ikan asing ke sungai. Penganut-penganut kini telah faham risiko pelepasan ikan keli di Sungai dan telah menukar kepada jenis ikan keli kepada ikan tempatan bagi upacara mereka.</p>
Penerokaan kawasan tebing	<ul style="list-style-type: none"> • Nelayan-nelayan darat 	<ul style="list-style-type: none"> • Wakil nelayan berpendapat sejak kebelakangan ini (sejak PRU-15) 	<p>Pejabat Daerah Tangkak:</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
sungai yang berhampiran	<ul style="list-style-type: none"> • Persatuan MYKP Jeti Gerisik 	<p>penerokaan tebing sungai untuk tujuan kebun sawit dan lain-lain semakin berleluasa. Kawasan tebing sungai yang merupakan kawasan paya ditolak dan dikeringkan air paya yang akan mengalir masuk ke sungai.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Hal ini menyebabkan fenomena “air masam” atau “air jernih” di sungai dan ia mengakibatkan ekosistem di sungai terancam (udang galah) • Selain itu, tebing-tebing sungai yang kerap digunakan nelayan untuk memasang pukot dan peralatan-peralatan menangkap ikan lain juga diusir oleh peneroka tanah-tanah ini. • Para nelayan cuba menegur pemilik tanah-tanah ini tapi mereka tidak mengambil endah dan menyatakan tanah tebing sungai itu milik mereka secara sah. • Hal ini menyebabkan perasaan tidak puas hati oleh para nelayan lain 	<p>Bagi isu penerokaan tanah di sekitar tebing, Pejabat Tanah ada membuat rondaan dan bekerjasama dengan pihak JPS untuk memantau kawasan yang mungkin berlaku runtuh tebing. Runtuh tebing juga berpunca daripada aktiviti korekan pasir Sungai. Dalam 2-3 tahun lepas, terdapat Lesen Pendudukan Sementara bagi pengorekan pasir Sungai telah menyebabkan runtuh tebing. Pejabat Tanah telah mengambil tindakan untuk menghentikan kelulusan lesen tersebut.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<ul style="list-style-type: none"> • Wakil nelayan juga memberitahu bahawa pada tahun 2022 mereka telah membawa pegawai JPS meninjau kawasan-kawasan tebing sungai yang terlibat. Namun begitu, sehingga kini tiada maklumbalas atau tindakan. • Penebangan pokok-pokok di tepi Sungai Muar menjejaskan hakisan tanah dan ekosistem ikan akan terjejas. 	
Risiko perobohan jeti Gerisik	<ul style="list-style-type: none"> • Nelayan-nelayan darat • Persatuan MYKP Jeti Gerisik 	<ul style="list-style-type: none"> • Jeti Gerisik diarahkan oleh Pejabat Tanah untuk dirobuhkan kerana tidak mempunyai hak milik tanah. • Pada tahun 2023, pihak nelayan jeti Gerisik diarah untuk berpindah ke tempat lain atau memohon TOL. • Salah satu nelayan telah memuat naik video di laman YouTube dan telah menjadi viral. Namun, dia telah diarahkan oleh Pejabat Tanah untuk memadamkan video tersebut. 	<p>Pejabat Daerah Tangkak:</p> <p>Bagi isu perobohan jeti Gerisik, JPS telah membuat siasatan di mana pencerobohan ini telah berlaku lebih kurang dalam 10 tahun. Pihak Jabatan Perikanan telah membuat Tindakan 'remedy' untuk isu ini seperti mendenda, memulihkan kawasan pencerobohan seperti keadaan asal, atau diberikan lesen pendudukan sementara (LPS).</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
<p>Hasil udang galah semakin berkurang</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Nelayan-nelayan darat • Persatuan MYKP Jeti Gerisik 	<ul style="list-style-type: none"> • Hasil udang galah di Sungai Muar dikatakan semakin berkurangan. Menurut nelayan juga, ini mungkin kerana beberapa faktor seperti penerokaan kawasan tebing sungai dan fenomena "air masam" yang berlaku akibat pembuangan air paya ke dalam sungai. • Nelayan kini berdepan dengan permasalahan kekurangan udang galah dan tidak dapat memenuhi permintaan yang semakin tinggi. • Mereka mencadangkan supaya Jabatan Perikanan dapat menabur benih udang secara berkala. Contohnya, menabur benih empat bulan sekali supaya dapat bekalan udang terjamin. 	<p>Jabatan Perikanan-Tangkak:</p> <p>Jabatan Perikanan telah membantu dari segi pemberian benih dan makanan kepada penternak.</p> <p>Jabatan Perikanan Muar:</p> <p>Jabatan Perikanan secara berkala akan melepaskan benih-benih udang galah sama ada di Daerah Muar, Tangkak atau Segamat. Pada bulan Ogos, sebanyak 100,000 ekor benih udang galah akan dilepaskan. Kemungkinan akan ada lagi bergantung kepada peruntukan negeri dan Persekutuan.</p>

3.0 PENGUTAMAAN ISU

PENGUTAMAAN ISU 1: CABARAN SOSIOEKONOMI IBU TUNGGAL

Permasalahan berkaitan dengan Isu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kurang sensitiviti keperluan ibu tunggal 2. Kahwin muda dan bercerai 3. Sukar mendapat bantuan JKM 4. Prosedur bantuan yang rumit dan mengelirukan 5. Kos sara hidup yang tinggi
Cadangan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menganjurkan kursus dan latihan kemahiran untuk ibu tunggal menjana pendapatan sendiri. 2. Penyediaan satu platform pusat maklumat yang mudah diakses tentang bantuan, hak, dan peluang.
Kumpulan Terjejas	<ul style="list-style-type: none"> • Ibu tunggal
Kawasan	<ul style="list-style-type: none"> • Kawasan Parlimen Pagoh
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	Sasaran SDG Berkaitan
Matlamat 1: Menamatkan semua jenis kemiskinan di seluruh dunia	<p>Sasaran 1.1: Menjelang 2030, membasmi kemiskinan tegar semua manusia di seluruh dunia, yang kini diukur dengan kos sara hidup kurang daripada \$1.25 sehari</p> <p>Sasaran 1.3: Melaksanakan sistem dan langkah perlindungan sosial yang sesuai di seluruh negara, termasuk peringkat perlindungan, serta mencapai perlindungan yang mencukupi bagi golongan miskin dan berisiko menjelang 2030</p> <p>Sasaran 1.4: Menjelang 2030, memastikan semua lelaki dan wanita, terutamanya golongan miskin dan berisiko, mempunyai hak yang sama rata terhadap sumber ekonomi, dan juga akses kepada perkhidmatan asas, pemilikan dan kawalan terhadap tanah dan bentuk harta lain, pewarisan, sumber asli, teknologi baharu yang sesuai dan perkhidmatan kewangan, termasuk mikrokeuangan</p>

	<p>Sasaran 1a: Memastikan penjanaan sumber penting daripada pelbagai sumber, termasuk melalui pengukuhan kerjasama pembangunan, bagi menyediakan kaedah yang mencukupi dan boleh diramal bagi negara membangun, khususnya bagi negara kurang membangun, untuk melaksanakan program dan dasar bagi menamatkan semua dimensi kemiskinan</p>
<p>Matlamat 8: Menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang mampan, menyeluruh dan berkekalan, guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang sesuai untuk semua</p>	<p>Sasaran 8.3: Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, penciptaan pekerjaan yang sesuai, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan bersaiz mikro, kecil dan sederhana, termasuk menerusi akses kepada perkhidmatan kewangan</p>

PENGUTAMAAN ISU 2: CABARAN PEMBANGUNAN BELIA

<p>Permasalahan berkaitan dengan Isu</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kurang minat dalam pendidikan 2. Penyalahgunaan dadah 3. Belia berhijrah keluar 4. Kurang pendedahan terhadap penggunaan teknologi dalam perusahaan 5. Kekangan kewangan untuk memulakan perniagaan
<p>Cadangan</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mewujudkan kerjasama dengan institusi pendidikan untuk menawarkan kursus vokasional atau kemahiran praktikal yang sesuai dengan minat belia. 2. Menyediakan sesi pendidikan mengenai bahaya dadah di sekolah, institusi belia, dan komuniti. 3. Menyediakan insentif kepada belia untuk memulakan perniagaan kecil atau bekerja dalam sektor ekonomi setempat. 4. Menganjurkan bengkel latihan dan kursus pendek untuk memperkenalkan teknologi digital dan pemasaran atas talian kepada belia.

	5. Menawarkan geran atau insentif kepada belia yang memulakan perniagaan dalam sektor strategik seperti pertanian moden atau teknologi.
Kumpulan Terjejas	Belia
Kawasan	<ul style="list-style-type: none"> • Kawasan Parlimen Pagoh
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	Sasaran SDG Berkaitan
Matlamat 1: Menamatkan semua jenis kemiskinan di seluruh dunia	Sasaran 1.1: Menjelang 2030, membasmi kemiskinan tegar semua manusia di seluruh dunia, yang kini diukur dengan kos sara hidup kurang daripada \$1.25 sehari
Matlamat 3: Memastikan kehidupan sihat dan menggalakkan kesejahteraan pada semua peringkat umur	Sasaran 3.5: Mengukuhkan pencegahan dan rawatan penyalahgunaan bahan, termasuk penyalahgunaan dadah narkotik dan pengambilan alcohol yang memudaratkan
Matlamat 4: Memastikan pendidikan berkualiti secara menyeluruh dan saksama serta menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua	Sasaran 4.4: Menjelang 2030, meningkatkan dengan ketara bilangan belia dan dewasa yang memiliki kemahiran yang relevan, termasuk kemahiran teknikal dan vokasional untuk penggajian, pekerjaan yang sesuai dan keusahawanan
Matlamat 8: Menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang mampan, menyeluruh dan berkekalan, guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang sesuai untuk semua	<p>Sasaran 8.3: Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, penciptaan pekerjaan yang sesuai, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan bersaiz mikro, kecil dan sederhana, termasuk menerusi akses kepada perkhidmatan kewangan</p> <p>Sasaran 8.5: Menjelang 2020, mengurangkan dengan ketara jumlah belia yang bukan dalam pekerjaan, pendidikan atau latihan</p>

PENGUTAMAAN ISU 3: CABARAN PEMBANGUNAN SOSIAL DI PDK

Permasalahan berkaitan dengan Isu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kekurangan sumber kewangan 2. Keperluan pengiktirafan jawatan petugas dan penyelia PDK 3. Keperluan penambahbaikan infrastruktur dan keperluan khas pelajar OKU 4. Konflik konsep PDK
Cadangan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mengemukakan permohonan kepada kerajaan untuk menambah peruntukan tahunan bagi operasi dan program PDK. 2. Mengusulkan agar jawatan petugas dan penyelia dimasukkan dalam perjawatan tetap kerajaan dengan insentif yang setimpal. 3. Menyediakan garis panduan yang jelas dan standard operasi yang seragam untuk pelaksanaan program PDK di seluruh negara. 4. Menggalakkan pelatih OKU di PDK menghasilkan produk yang boleh dijual di bazar, pameran, atau platform e-dagang.
Kumpulan Terjejas	<ul style="list-style-type: none"> • Petugas dan penyelia PDK • Pelajar OKU
Kawasan	<ul style="list-style-type: none"> • PDK Pagoh • PDK Lenga • PDK Maokil
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	Sasaran SDG Berkaitan
Matlamat 4: Pendidikan Berkualiti.	Sasaran 4.7: Menjelang 2030, memastikan semua pelajar memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menggalakkan pembangunan mampan, termasuk antara lainnya, melalui pendidikan untuk pembangunan mampan dan gaya hidup mampan, hak asasi manusia, kesamaan jantina, galakan budaya keamanan dan tanpa keganasan, kewarganegaraan global dan penghargaan terhadap kepelbagaian budaya dan sumbangan budaya kepada pembangunan mampan

	<p>Sasaran 4.4: Menjelang 2030, meningkatkan dengan ketara bilangan belia dan dewasa yang memiliki kemahiran yang relevan, termasuk kemahiran teknikal dan vokasional untuk penggajian, pekerjaan yang baik dan keusahawanan</p>
<p>Matlamat 10: Pengurangan Ketaksamaan.</p>	<p>Sasaran 10.2: Menjelang 2030, memperkasa dan menggalakkan penyertaan semua dalam politik, ekonomi dan sosial tanpa mengira umur, jantina, ketidakupayaan, kaum, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi atau status lain</p>
<p>Matlamat 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kukuh.</p>	<p>Sasaran 16.a Memperkukuh institusi negara yang relevan, termasuk menerusi kerjasama antarabangsa, untuk membina keupayaan pada semua peringkat, khususnya di negara membangun untuk menghalang keganasan serta memerangi keganasan dan jenayah</p>
<p>Matlamat 17: Kerjasama Mencapai Matlamat.</p>	<p>Sasaran 17.9: Meningkatkan sokongan antarabangsa untuk melaksanakan pembinaan keupayaan yang berkesan dan bersasar di negara membangun untuk menyokong pelan negara untuk melaksanakan semua Matlamat Pembangunan Mampan termasuk melalui kerjasama</p> <p>Sasaran 17.15: Menghormati ruang dasar dan kepimpinan setiap negara untuk mewujudkan dan melaksanakan dasar bagi pembasmian kemiskinan dan pembangunan mampan</p>



APPGM-SDG

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15



Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari

📍 A-1-10, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1,
Seksyen 8, Petaling Jaya, 46050, Selangor

✉️ secretariat@appgm-sdg.com

📘 <https://www.facebook.com/APPGMSDGMY>

🌐 <https://appgm-sdg.com/>